


Jilid II
Bil. 51



Hari Isnin
15hb November, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5297]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5310]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 [Ruangan 5311]

Jawatan Kuasa (Hari Pertama)—

Jadual

Kepala B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 5350]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1977 [Ruangan 5311]

Jawatan Kuasa (Hari Pertama)—

Kepala P. 8 dan P. 10 [Ruangan 5350]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATO' HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- .. **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).**
- .. **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- .. **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- .. **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- .. **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- .. **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- .. **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- .. **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- .. **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- .. **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).**
- .. **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- .. **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- .. **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- .. **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- .. **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAJMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- " TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran)
- " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau)
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud)
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah hinti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb November, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

NATIONAL SERVICEMEN

1 Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan membenarkan sebuah Suruhanjaya Parlimen untuk menyiasat perlunya diadakan perkhidmatan untuk semua rakyat yang sihat atas alasan bahawa perkhidmatan negara akan menambahkan cinta kepada negara dan perpaduan dan memberi peluang kepada mereka untuk menunjukkan patriotisma mereka serta adalah lebih berekonomikal untuk menanggung "national servicemen" terlatih daripada yunit-yunit askar biasa atau professional.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menuhkan berbagai pertubuhan di mana rakyat dari semua keturunan dan yang sihat serta waras pemikiran dapat mengambil bahagian untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa. Pertubuhan-pertubuhan ini terdapat di peringkat persekolahan, dewasa dan juga mereka yang berumur. Di peringkat persekolahan umpamanya terdapat pertubuhan seperti Kadet Tentera, Kadet Polis, Briged Putra, Pengakap dan Pandu Putri, manakala di peringkat dewasa terdapat pertubuhan bercorak awam dan ketenteraan seperti RELA, Rukun Tetangga dan di peringkat mereka yang berumur terdapat pertubuhan seperti Persatuan Bekas Perajurit dan sebagainya. Kesemua pertubuhan ini menimbulkan perasaan cinta kepada negara dan juga perpaduan di antara berbagai kaum yang terdapat di dalam negara ini.

Rukun Tetangga adalah satu pertubuhan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan yang melibatkan seluruh tenaga rakyat tanpa

mengira pangkat, fahaman politik, darjat, bangsa untuk disatukan bagi melahirkan satu negara dan satu bangsa. Semangat patriotism atau cintakan negara dilahirkan menerusi Rukun Tetangga yang bermula dari cintakan tempat pemastautinan sendiri dan penduduknya yang akan meluaskan lagi kepada negara dan bangsa kita.

Walaupun Rukun Tetangga tidak dibekalkan dengan senjata dan tidak boleh disamakan dengan yunit-yunit askar biasa atau professional ataupun anggota kerahan tenaga yang lebih terlatih (trained national servicemen), tetapi anggota Rukun Tetangga dapat memberi sumbangan yang sama pentingnya dalam membantu Pasukan Keselamatan bagi menjaga keselamatan negara. Pertubuhan ini tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak. Oleh itu tidak perlu sebuah Suruhanjaya Parlimen diadakan untuk menyiasat perkara-perkara seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PETRONAS—PERJANJIAN DENGAN SYARIKAT CARIGALI MINYAK

2. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada kebuntuan (*impasse*) yang dihadapi dalam perundingan dengan syarikat-syarikat carigali minyak telah diatasi, jika ya, nyatakan syarat-syarat yang disetujui dan jika tidak samada syarikat-syarikat yang mempunyai teknologi dan pengalaman dalam minyak dari beberapa negara akan diundang untuk mengambil tempat syarikat-syarikat tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rundingan mengenai perjanjian perkongsian dengan syarikat-syarikat carigali minyak masih lagi berjalan pada waktu ini. Sungguhpun beberapa kemajuan telah dicapai, masih ada lagi masalah-masalah yang belum dapat diatasi dan sedang dirunding di antara PETRONAS dan syarikat-syarikat carigali itu. Oleh sebab persetujuan keseluruhannya belum dapat dicapai lagi maka tidak dapatlah saya menyatakan syarat-syarat yang disetujui oleh syarikat-syarikat itu.

PETRONAS akan mengundang syarikat-syarikat lain yang mempunyai teknologi dan pengalaman dalam perusahaan minyak untuk mengambil tempat Exxon atau Shell jika persetujuan muktamad tidak dapat dicapai. Pada masa ini sebanyak 50 buah syarikat carigali minyak telahpun menyatakan keinginan untuk mencarigali minyak di negara kita ini.

CHLOROFORM DALAM ALAM SEKITAR DAN PEKERJAAN

3. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abd. Shukor (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk menyasiat tentang penggunaan kloroform dalam "alam sekitar am dan pekerjaan" berikutan dengan satu lapuran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kesihatan dan Instituit Kebajikan Kanser Kebangsaan Amerika Syarikat mengatakan bahawa kloroform telah didapati menyebabkan kanser dalam limpa dan buah pinggang dalam binatang.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menerangkan di sini bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah memaklumkan bahawa satu kajian yang baru sahaja dijalankan oleh National Cancer Institute di Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa kloroform mungkin menimbulkan cancer kepada tikus jika diguna dengan banyaknya untuk sesuatu masa yang lama. Sungguhpun tidak ada bukti langsung bahawa kloroform yang diguna dalam ubat dan bahan-bahan solek (cosmetics) telah mendatangkan bahaya kepada kesihatan manusia, hasil kajian National Cancer Institute itu telah menimbulkan keraguan tentang keselamatan kloroform.

Berikutan dengan kajian tersebut, beberapa negara tertentu telah atau sedang menegah penggunaan kloroform sebagai bahan yang diguna dalam ubat atau cosmetics untuk masa-masa akan datang. Akan tetapi, hasil-hasil keluaran yang menggunakan kloroform sebagai pelarut atau "processing solvent" atau mungkin mengandungi sisa-sisa kloroform akibat synthesis sesuatu bahan itu, tidaklah diharamkan.

Mengenai penggunaan kloroform di Malaysia, Lembaga Racun Kementerian Kesihatan sedang menimbang perkara ini

dan tindakan selanjutnya akan diambil setelah perakuan-perakuan Lembaga itu diterima.

SISTEM EJAAN RUMI BARU

4. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menjelaskan:

- (a) berapa peratuskah Jabatan-jabatan Kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah serta Swasta menggunakan Istilah Ejaan Baru yang diumumkan oleh Kerajaan;
- (b) adakah Dewan Bahasa dan Pustaka bercadang menyusun semula KAMUS DEWAN dengan menggunakan Ejaan Baru yang dipersetujui antara Malaysia dan Indonesia.

Tunbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semua Jabatan Kerajaan, Pusat Pengajian Tinggi, Sekolah dan pihak-pihak Swasta serta orang ramai telah menggunakan Sistem Ejaan Rumi Baru dengan luas dan menggalakkan sebagaimana yang diumumkan dan dikehendaki oleh Kerajaan. Dewan Bahasa dan Pustaka sentiasa dihubungi oleh pihak-pihak ini untuk mendapat bahan-bahan serta penerangan mengenai Ejaan Baru. Peratus kejayaan penggunaannya, terutama sekali di peringkat sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi dan jabatan-jabatan Kerajaan adalah tinggi dan membanggakan. Kerajaan menyedari tentang adanya sedikit-sebanyak di sana sini kesalahan-kesalahan penggunaan ejaan baru yang dicampuradukkan dengan ejaan lama. Untuk mengatasi masalah ini Dewan Bahasa sedang menyusun satu rancangan dan usaha untuk menyelaraskan penggunaan sistem ejaan baru dengan lebih berkesan lagi di peringkat Jabatan-jabatan Kerajaan, Pusat-pusat Pengajian Tinggi dan Sekolah-sekolah.
- (b) Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengeluarkan edisi baru KAMUS DEWAN dengan menggunakan Ejaan Baru yang dipersetujui antara Malaysia dan Indonesia apabila Kamus Dewan yang ada sekarang sudah habis stoknya.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Saya suka menanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan soal ejaan baru ini samada pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian tentang soal yang mungkin terbit berkenaan dengan ejaan nama dan negeri dan sebagainya. Dan samada pihak yang berkenaan akan menimbangkan perkara ini dengan betulnya dan sehingga sesuatu keputusan yang muktamad dibuat supaya tidak mengubah nama orang ataupun nama negeri. Misalnya, nama Yang Berhormat itu "Chan" pada masa ini, kalau ikut ejaan baru mesti dieja "Can". Ataupun perkataan negeri China misalnya pada masa ini kadang-kadang dalam suratkhbar dieja "Cina". Kadangkalanya dieja "China". Ini satu masalah yang saya dapati belum dapat diselesaikan lagi. Saya cuma mahukan jaminan bahawa Kementerian dan pihak yang berkenaan akan menyemak soal ini dan sehingga soal ini dibetulkan, janganlah diubah. Macam ejaan nama bapa saya itu ditulis "Syekh". Saya pun tidak kenal. Saya mahu seperti ejaan asalnya iaitu "Sheikh" tidak mahu "Syekh".

Sebaliknya, apakah panduan yang akan diberi kepada mata-mata di balai-balai polis yang sekarang mendaftar kelahiran budak-budak ini. Akan timbul banyak kekeliruan nanti khasnya orang yang bukan Melayu. Misalnya nama bapa, dia dulu "Chan" dia pergi mendaftar anaknya Encik Chan Kim Teik misalnya. Mata-mata itu mahu juga eja "Can" kerana dalam bahasa kita sekarang "C" sudah menggantikan "Ch". Orang itu kata tidak, saya mahu "Chan" juga. jadi kedua-dua bergaduh. Kalau macam ini saya rasa elok kita perhatikan atau semak betul-betul dan sehingga dapat adakan peraturan di mana cara ejaan bebas ikut kelaziman masing-masing samada India, China, Melayu, Arab dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah mengemukakan cadangan-cadangan ini dan perkara ini akan saya sampaikan untuk perhatian Dewan Bahasa dan Pustaka. Berhubung dengan soal nama keluarga, saya rasa ini sangat mustahak. Macam saya, jikalau ditukar daripada "Chan" kepada "Can" barangkali keluarga saya pun tidak setuju (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak buang "Chan" jadi "Can" tidak bolehlah. (*Ketawa*).

COMMON BUFFER STOCK FUND

5. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kemajuan yang telah dicapai setakat ini untuk menubuhkan "Common Buffer Stock Fund on Primary Commodities".

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah Tabung Bersama atau "Common Fund" telah dirundingkan semasa Persidangan Keempat Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD IV) yang telah diadakan di Nairobi, Kenya dari 3hb-31hb Mei, 1976 dan dihadiri oleh para perwakilan dari 154 negara, termasuk Malaysia.

Selepas perbincangan yang panjang lebar, Persidangan tersebut telah mengambil keputusan meminta Setiausaha Agong UNCTAD mengadakan satu Persidangan, khas untuk merundingkan Tabung tersebut, tidak lewat dari bulan Mac, 1977.

Sebelum Persidangan Perundingan Tabung Bersama khas ini, pihak Urusetia UNCTAD diminta mengadakan mesyuarat-mesyuarat sebagai persediaan kepada Persidangan khas tersebut. Mesyuarat Persediaan yang pertama dijangka akan diadakan di Geneva, Switzerland, dari 29hb November hingga 3hb Disember, 1976 dan Mesyuarat Persediaan yang kedua dijadualkan dari 24hb hingga 28hb Januari, 1977.

PERSATUAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR GETAH ASLI

6. Datuk Albert Mah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah implikasi-implikasi apabila di Malaysia menandatangani persetujuan Persatuan Negara-negara yang mengeluarkan Getah Asli (A.N.R.P.C.) dalam bulan November, 1976.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai rundingan-rundingan oleh negara-negara anggota—Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (A.N.R.P.C.) berhubung

dengan penubuhan Sekim Pengsetabilan Harga Getah Asli Antarabangsa. Perjanjian mengenai Sekim ini akan ditandatangani oleh Menteri-menteri negara-negara anggotanya pada penghujung bulan November, 1976 di Jakarta, Indonesia.

Selepas Menteri-menteri yang berkenaan menandatangani Perjanjian Pengsetabilan Harga Getah Asli Antarabangsa tersebut, sudah tentu, Malaysia sebagai negara pengeluar utama getah asli akan menerima faedah dari pelaksanaan Sekim ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama Sekim ini dilancarkan ialah bagi mengsetabilkan harga getah di paras yang memuaskan dan dengan itu dapat menentukan pendapatan yang berpatutan kepada pengeluar-pengeluar getah asli terutamanya pekebun-pekebun kecil. Sudah tentu pelaksanaan Sekim ini akan dengan secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah sosio-ekonomi mereka yang diakibatkan dari harga getah yang tidak memuaskan yang turun-naik.

Selain dari itu dengan secara tidak langsung sekim itu juga akan dapat mengurangkan pengangguran dan guna tenaga tidak penuh yang berlaku di kalangan pekebun pekebun kecil yang bergantung rapat dengan keteguhan perusahaan getah asli.

Dari segi pengguna pula, Sekim ini dapat menjamin perbekalan getah asli di pasaran dunia, dengan harga yang setabil dan "competitive" dengan harga getah tiruan dan dengan itu mereka tidak ragu-ragu lagi mengenai perbekalan bahan ini di masa hadapan dengan harga yang memuaskan. Keadaan harga yang stabil juga mempengaruhi pengguna-pengguna menggunakan lebih getah asli kerana ini akan menolong memudahkan mereka membuat anggaran-anggaran perbelanjaan dan pembelian.

Dari segi jangka panjang, perjanjian ini dapat menolong meningkatkan pendapatan eksport negara-negara pengeluar getah asli yang merupakan punca pendapatan yang terpenting dari segi memajukan ekonomi negara-negara yang berkenaan.

Dengan adanya Perjanjian ini, maka sudah tentu akan memudahkan penyelarasan antara pengeluaran dan dasar-dasar pemasaran getah asli dalam jangka panjang.

STOK PENIMBAL BAHAN-BAHAN UTAMA

7. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sejauh manakah kesan kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia di atas seruannya mengenai program paduan bagi menjalin kesetabilan harga dan pulangan yang lebih baik terhadap bahan utama negara-negara membangun di sidang UNCTAD di Nairobi, Afrika.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks usaha mencapai harga yang lebih baik dan setabil bagi bahan-bahan utama, Rancangan Barangan Paduan satu Integrated Programme for Commodities, yang juga meliputi getah asli dan timah, telah dicadangkan oleh pihak Urusetia Persidangan, Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) dan dipersetujui di Persidangan UNCTAD IV, yang telah diadakan di Nairobi, Kenya dari 3hb-31hb Mei, 1976. Melalui Rancangan Barangan Paduan ini, di antara lain, perkara-perkara berikut dicadangkan.

- (a) Penubuhan suatu Tabung Bersama (Common Fund); dan
- (b) Penubuhan stok-stok penimbal bahan-bahan utama dibiayai oleh Tabung Bersama tersebut.

Mengenai cadangan menubuhkan Tabung Bersama (Common Fund) untuk membiayai stok-stok penimbal bahan-bahan utama, perkara ini telah saya terangkan dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar tadi.

Mengenai cadangan menubuhkan stok-stok penimbal bahan-bahan utama, Persidangan UNCTAD IV itu telah memutuskan meminta Setiausaha Agung UNCTAD mengadakan Mesyuarat-mesyuarat Persediaan untuk rundingan-rundingan Antarabangsa mengenai bahan-bahan utama secara satu-persatu (individual commodities). Mesyuarat-mesyuarat ini dikehendaki selesai sebelum bulan Februari, 1978.

Mengenai getah asli, Mesyuarat Persediaan akan diadakan di Geneva, Switzerland, dalam bulan Januari, 1977. Selain daripada negara-negara anggota Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC), negara-negara bukan anggota juga akan

diberi peluang mengambil bahagian di dalam perundingan-perundingan tersebut, berasas kepada Sekim Pengsetabilan Harga Getah Asli Antarabangsa yang dijangka ditandatangani pada penghujung bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sayugia diingat bahawa Malaysia sendiri mengambil perhatian berat dan peranan aktif di dalam perundingan-perundingan atas usaha-usaha Penubuhan Tabung Bersama dan Rancangan Barang Paduan ini keseluruhannya. Ini adalah memandangkan bahawa negara kita ialah suatu negara yang mengeluarkan begitu banyak bahan utama yang terkemuka di pasaran dunia. Peranan Malaysia di dalam perancangan-perbincangan ini ialah supaya kedua-dua pihak, pengeluar dan pengguna, benar-benar sedar dan menerima kenyataan bahawa usaha-usaha ini adalah untuk kepentingan jangka-panjang kedua-dua pihak dalam konteks penubuhan apa yang dikenal "New International Economic Order". Di dalam lain-lain perkataan, salah faham dan syak wasangka, terutama sekali di kalangan pihak negara-negara pengguna, bahawa kedua-dua usaha ini akan lebih menguntungkan negara-negara pengeluar sahaja, haruslah dikikis.

PUSAT KESIHATAN KECIL DI GUA MUSANG

8. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan akan mendirikan kelinik-klinik di Gua Musang, Kelantan, supaya pesakit-pesakit tidak payah pergi ke Kuala Krai untuk mendapatkan rawatan semasa dalam kecemasan, umpamanya bersalin dan luka parah.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ada sebuah Pusat Kesihatan Kecil di Gua Musang, Kelantan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini rancangan untuk menaikkan tarafnya ke Pusat Kesihatan Besar, telahpun diluluskan. Apabila rancangan ini telah dilaksanakan kelak, seorang Pegawai Perubatan dan Kesihatan dan juga seorang Pegawai Pergigian akan ditempatkan di sana. Dengan penempatan pegawai-pegawai tersebut, semua kes-kes kecemasan akan diberi rawatan yang cepat. Kementerian saya juga telah membeli dua buah railcar ambulance untuk memberikan perkhidmatan kepada

kawasan Ulu Kelantan. Sebuah railcar ambulance akan berpusat di Gua Musang dan sebuah lagi di Dabong. Perkhidmatannya akan bermula pada bulan Disember tahun ini apabila modifikasi kepada railcar ambulance ini telah disempurnakan oleh pentadbiran Keretapi. Dengan itu, kes-kes kecemasan di antara Gua Musang dan Kuala Lipis akan dihantar dengan railcar ambulance ini untuk rawatan di Kuala Lipis, manakala kes-kes kecemasan di antara Dabong dan Kuala Kerai akan dihantar di Kuala Kerai atau jika perlu ke Kota Bharu.

PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI COLOMBO

9. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan, berhubung dengan perkembangan selepas Persidangan Negara-negara Berkecuali di Colombo, yang mana kawasan aman Asia Tenggara yang dipelupuri oleh Malaysia bagi pihak ASEAN belum difahami oleh negara-negara dunia malah oleh setengah daripada jiran-jiran ASEAN sendiri:

- (a) samada ini disebabkan masih adanya pengkalan-pengkalan tentera asing di negara-negara ASEAN, malah Malaysia sendiri yang menyebabkan kurang yakin negara-negara lain, dengan itu konsep ini tidak mendapat sambutan di Persidangan Colombo;
- (b) pendekatan yang dimain oleh Kementerian Luar, juga Duta-duta Malaysia di dalam arena politik antarabangsa kurang diplomatik; dan
- (c) adakah Kementerian Luar Negeri menyedari pihak-pihak IMPERIALIS dan kuasa-kuasa besar yang punya kepentingan sedang mempengaruhi setengah Negara Berkecuali supaya mengeneipkan konsep Kawasan Aman "ASEAN" ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya rujukkan Ahli Yang Berhormat kepada jawapan saya kepada soalan sama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat pada 2hb Oktober dan juga kepada penjelasan yang saya beri di Dewan ini pada beberapa hari yang sudah pada teguran yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Alor Gajah.

Pada pendapat kita, konsep kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara telah diterima dengan baik oleh segolongan besar negara-negara termasuk negara-negara Commonwealth dan juga negara-negara berkecuali dalam tahun 1973. Oleh hal yang demikian, maka nyatalah pendapat Ahli Yang Berhormat itu tidak benar bagi menjawab soalan (b). Namun demikian, Persidangan di Colombo itu menunjukkan masih ada salah pengertian dan kecurigaan di kalangan tertentu mengenai matalamat-matalamat yang sebenarnya pengistiharan Kuala Lumpur itu. Adalah harapan kita iaitu menerusi hubungan yang rapat dan mesra pengertian yang penuh dapat dipupukkan di kalangan tertentu mengenai rancangan untuk mengekalkan keamanan di rantau Asia Tenggara.

FELDA—WANG PENEROKA DI KEMENDORE/AYER KANGKONG

10. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada Kementerian-nya sedar bahawa pihak FELDA masih terhutang dengan peserta-peserta Rancangan Tanah Kemendore dan Ayer Kangkong di Melaka setelah bayaran lebih dibuat oleh peserta-peserta semenjak tahun 1968 lagi; jika sedar, adakah Kementerian ini bercadang hendak membayar balik kepada peserta-peserta di kedua-dua Rancangan Tanah ini.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedar bahawa pihak FELDA masih terhutang dengan peserta-peserta Rancangan Tanah Kemendore dan Ayer Kangkong. Wang peneroka yang belum dipulangkan oleh FELDA kepada mereka ialah berjumlah seperti berikut:

Peringkat	Bil. Peneroka	Jumlah
I ...	99	\$33,890.28
II ...	106	\$42,668.04
III ...	166	\$57,414.60

FELDA akan menggunakan wang yang dipengangnya itu untuk membayar bayaran-bayaran tanah, cukai dan ukur yang belum diselesaikan dengan sepenuhnya lagi oleh peneroka-peneroka kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk membolehkan Kerajaan Negeri

Melaka mengeluarkan hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka yang berkenaan dengan secepat mungkin.

Wang yang lebihnya pula akan digunakan bagi menjelaskan bayaran baja dan insuran ladang yang belum diselesaikan dengan sepenuhnya oleh peneroka-peneroka. Jikalau didapati ada lagi wang itu lebih maka ianya akan diberi balik kepada peneroka-peneroka.

HARGA TREKTOR

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa harga trektor adalah terlampau mahal dan memandang kepada keadaan keperluan petani terhadapnya serta hasrat Kerajaan untuk memajukan sektor pertanian tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan cukai impot trektor supaya harga trektor menjadi murah. Apakah perkiraan dibuat dengan pihak Kementerian Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang bagi mencapai maksud itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang lebih kurang sama telah dijawab di mesyuarat Dewan ini yang lepas iaitu pada 1hb April, tahun ini. Kerajaan telah mengkaji perkara ini sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kadar duti impot ke atas trektor pertanian telah dikurangkan dari 35% atau \$750 se unit yang mana satu lebih tinggi, kepada pada masa sekarang 20% mulai pada 1hb Julai tahun ini.

SETOK PENIMBAL BIJIH TIMAH MALAYSIA

12. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan mengikut kadar ringgit Malaysia.

- keuntungan kasar Setok Penimbal Bijih Timah Malaysia bagi 5 tahun yang lalu;
- keuntungan bersih selepas ditolak bayaran khidmat, perbelanjaan dan lain-lain perbelanjaan; dan
- peratus keuntungan kepada pencarum-pencarum.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, angka-angka seperti dikehendaki

di dalam soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- (i) Setok Penimbal Bijih Timah Malaysia memperoleh keuntungan kasar bagi 5 tahun yang lalu sebanyak \$36,055,112.76.
- (ii) Keuntungan bersih selepas ditolak faedah-faedah yang dibayar dan perbelanjaan pentadbiran ialah \$29,432,567.39
- (iii) Peratus keuntungan kepada pencarum-pencarum adalah sebanyak 31.94%.

MURID PONTENG SEKOLAH

13. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar ada terdapat murid-murid sekolah ponteng ke sekolah, jika ya, apakah rancangan beliau bagi mengatasi kejadian seperti ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun memberi jawapan atas perkara yang sama pada 27hb Oktober, 1976 yang lepas. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan yang telah saya beri itu.

KECEMARAN ALAM SEKITAR DI KAMPUNG KUBANG BADAK

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat ini apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau berikutan dengan bantahan penduduk-penduduk Kampung Kubang Badak, Pasir Mas mengenai kecemaran alam di sekitar kampung tersebut akibat adanya sebuah kilang getah di situ.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada penyiasatan dan rundingan di antara dua orang Pegawai Teknikal daripada Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dengan pihak Pegawai Daerah Pasir Mas, satu perakuan telah dikemukakan supaya diambil tindakan oleh Pegawai Daerah yang berkenaan. Perakuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Langkah-langkah segera hendaklah diambil oleh pihak Majikan kilang getah tersebut bagi membersihkan bahan-bahan pencemaran (termasuk juga getah keping) sebelum dilepaskan bagi mengurangkan bau-bau busuk.

- (ii) Longkang yang terbuka mesti ditutup dan saluran-saluran yang konkrit yang pecah mestilah diperbaiki.

- (iii) Longkang-longkang biasa yang menyalurkan bahan-bahan pencemaran itu hendaklah diperdalamkan lagi untuk mengadakan keadaan yang cerun supaya air basuhan dapat mengalir dengan baik.

- (iv) Pihak Majikan hendaklah sentiasa mengendalikannya pemeriksaan ke atas sistem parit agar sebarang pecahan atau pertakungan air tidak berlaku.

Pihak Majikan tersebut telahpun mengambil tindakan seperti yang dikehendaki, paip-paip konkrit yang sebesar 1½ kaki diameter sepanjang lebih kurang 250 ela telahpun dipasang sehingga ke kawasan lembah yang tidak digunakan.

Kementerian saya juga telah diberitahu oleh Pejabat Daerah Pasir Mas, perkara ini telah dirujuk kepada pihak Lembaga Pasaran dan Perlesenan Getah Malaysia untuk mendapatkan nasihat dan pandangan yang sewajarnya agar tindakan seterusnya boleh dianbil.

Langkah-langkah yang saya nyatakan di atas itu adalah merupakan langkah-langkah sementara sahaja dan didapati penduduk-penduduk di kawasan tersebut telah merasa lega. Langkah-langkah ini adalah sementara dan yang paling praktikal.

Masalah serupa ini hanya dapat diselesaikan melalui satu program kerja yang luas dan sistematik yang meliputi semua kilang getah, pemulihan buangan dan standard-standard kawalan yang tetap bagi pembuangan lepasan daripada kilang itu.

Kementerian saya sedang di dalam proses mengadakan standard-standard kawalan bagi pembuangan lepasan getah dan apabila siap ia akan menjadi satu asas yang menyeluruh bagi menyelesaikan masalah pencemaran yang disebabkan oleh buangan getah.

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1977

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb November, 1976).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1977

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut. (12hb November, 1976)."

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyambungkan ucapan beliau yang tidak habis pada hari Jumaat.

3.06 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, menyambung semula ucapan jawapan saya di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat minggu lalu mengenai pembayaran elaun atau tuntutan perjalanan sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu, ini hanya dapat dibuat selepas pengesahan daripada Pengarah Pelajaran Perlis. Oleh yang demikian, tidaklah benar sungutan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Pengarah Pelajaran Kedah yang mengarahkan pegawai itu bekerja untuk Perlis sahaja. Daripada pengalaman yang lepas adalah didapati kerja-kerja pegawai ini adalah memuaskan dan membawa kebaikan kepada sekolah-sekolah di Perlis.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, ingin saya maklumkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membina sebuah sekolah menengah berasrama di Tumpat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Walau bagaimanapun, sebuah asrama akan dibina di Sekolah Menengah Tumpat yang ada sekarang ini dalam tempoh Rancangan itu bagi memenuhi keperluan murid-murid yang tinggal jauh daripada Tumpat.

Ahli Yang Berhormat dari Serian telah menyatakan rasa tidak puas hatinya mengenai keadaan sekolah-sekolah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran di kawasan beliau. Sebagaimana yang telah saya nyatakan tempoh hari bahawa di Negeri Sarawak langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ialah untuk membina sekolah-sekolah yang baru, menggantikan sekolah-sekolah lama; menambahkan bilik-bilik darjah, mengadakan dan menggantikan alat-alat perabot, membina asrama-asrama dan kemudahan-kemudahan persekolahan yang lain.

Ahli Yang Berhormat menyentuh juga berkenaan dengan guru-guru yang hanya berkecualan Tingkatan IV, V dan VI sahaja dan menurut beliau kecualan mereka itu masih rendah lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran

telah dan akan terus mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meninggikan lagi mutu pengajaran mereka. Kursus-kursus yang ditawarkan itu ada di dalam berbagai bidang dan kursus-kursus ini dijalankan dalam dan di luar negeri.

Berkenaan dengan pembangunan sekolah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang 86% daripada projek pembangunan sekolah rendah yang telah disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pula dari sejumlah 389 projek yang dicadangkan untuk Negeri Sarawak sebanyak 376 projek (96.6%) akan dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar, termasuk 14 projek yang akan dilaksanakan di Daerah Sadong Atas (Upper Sadong District).

Ahli Yang Berhormat dari Beruas menyentuh tentang sistem pelajaran di negara kita yang mengikut beliau masih mengutamakan sijil-sijil tanpa menyediakan seorang bagi pekerjaan kemahiran sesuai dengan kemahuan negara. Ini adalah tidak benar langsung. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pelajaran memang memandang berat terhadap pelajaran teknikal dan vokesyenal dan ini adalah dengan tujuan untuk melengkapkan pelajar-pelajar kita dengan kemahiran sesuai dengan kehendak kemajuan negara kita.

Perkara-perkara lain yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat telah pernah dijawab dalam Dewan yang mulia ini dan saya tidak berhajat untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa perkara lagi, oleh itu sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk bercakap dan menyentuh beberapa aspek pelajaran di negara ini.

3.11 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dan pandangan yang menasabah kepada beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya. Segala teguran dan pandangan Ahli-ahli

Yang Berhormat itu adalah di dalam perhatian saya.

Mengenai cadangan mendirikan sebuah Pejabat Pos di Kampong Gajah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, suka saya menyatakan bahawa pembinaan Pejabat Pos itu telahpun dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Sebuah tapak yang sesuai untuk projek itu telah diperolehi dalam bulan Januari 1973, dan pihak Jabatan Kerja Raya Perak telah diberi kebenaran untuk meneruskan kerja-kerja membina bangunan Pejabat Pos itu dalam bulan Januari 1973. Mengikut cara yang biasa, sepatutnya Pejabat Pos Kampong Gajah itu sudah pun siap dibina sekarang. Akan tetapi, pada ketika projek ini hendak dimulakan keputusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menempatkan bandar Kampong Gajah itu di suatu tempat lain kerana tapak yang ada sekarang ini selalu dilanda banjir. Kerajaan Negeri telah meminta supaya semua Jabatan menempatkan projek-projek mereka, jika ada, di kawasan tapak baru bagi bandar tersebut. Oleh kerana perkembangan yang tidak diduga ini maka projek pembinaan Pejabat Pos di Kampong Gajah telah ditangguhkan kesatu tarikh lain apabila bandar baru tersebut dibangunkan. Buat sementara waktu, kemudahan-kemudahan asas Perkhidmatan Pos bagi Kampong Gajah telah disediakan melalui Wakil Pos di situ dan telah ditambah pula dengan lawatan Pejabat Pos Bergerak sebanyak tiga kali seminggu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul telah membangkitkan perkara rancangan pembesaran lapanganterbang Sibul. Saya suka memaklumkan bahawa oleh sebab beberapa halangan maka tapak lapanganterbang yang sedia ada tidak dapat diperbesarkan. Walau bagaimanapun satu tapak yang baru telahpun diperolehi dan kajian permulaan penyelidikan ke atas tapak tersebut telahpun dijalankan. Syarat-syarat panduan bagi perlantikan Juruperunding telahpun disediakan dan jadual pelaksanaan pembinaan lapanganterbang baru ini adalah bergantung kepada lapuran pihak Juruperunding.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah telah mencadangkan supaya Sistem Penerbangan Malaysia berikhtiar mengadakan penerbangan yang lebih banyak ke negara-negara Timur Tengah. Saya suka memaklumkan iaitu pada masa ini Sistem Penerbangan

Malaysia telahpun melancarkan perkhidmatan ke Kuwait sebanyak dua kali seminggu. Pihak Sistem Penerbangan Malaysia telah dan sedang mengkaji tentang kemungkinan bagi mengadakan penerbangan ke negara-negara Timur Tengah yang lain. Pihak Sistem Penerbangan Malaysia memang sedar bahawa ada ahli-ahli perniagaan dan pelancungan daripada negara-negara Timur Tengah seperti Saudi Arabia dan lain-lain mempunyai minat dan keinginan hendak datang ke Malaysia. Bagaimanapun, menurut kajian jumlah penumpang-penumpang yang mungkin menggunakan penerbangan di antara negara-negara Timur Tengah dengan Malaysia pada masa ini, perkhidmatan-perkhidmatan itu adalah tidak ekonomik. Tetapi perkara ini adalah diberi perhatian dari masa ke semasa dan sekiranya keadaan berubah serta kebenaran mendarat, membawa dan mengambil penumpang di bandar-bandar di Timur Tengah dapat diperolehi daripada negara-negara yang berkenaan itu, termasuk kebenaran untuk membawa penumpang dari negara-negara itu ke tempat-tempat lain di Benua Eropah, ada harapan bagi Sistem Penerbangan Malaysia melancarkan perkhidmatan ke Timur Tengah umpamanya, ke Jeddah dan seterusnya ke mana-mana bandar di Eropah yang dipilih bagi maksud tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Silam, Sabah telah membangkitkan perkara kenaikan bayaran perkhidmatan lapanganterbang. Saya suka memaklumkan bahawa kenaikan bayaran perkhidmatan lapanganterbang ini adalah selaras dengan pengujudan sistem perakaunan perdagangan di Jabatan Penerbangan Awam dan kenaikan kadar bayaran ini adalah bertujuan untuk menampung kos-kos perbelanjaan bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan di lapanganterbang. Walaupun bayaran perkhidmatan lapanganterbang dari Kuala Lumpur ke Singapura dinaikkan kepada \$4 manakala bayaran perkhidmatan di lapanganterbang dari Singapura ke Kuala Lumpur hanya sebanyak \$2 tetapi perlu dijelaskan di sini bahawa bayaran perkhidmatan lapanganterbang di Singapura untuk penerbangan antarabangsa ialah sebanyak \$10 manakala di Malaysia bayaran perkhidmatan yang sama adalah \$7 sahaja. Sememangnya terdapat perbezaan kadar bayaran perkhidmatan lapanganterbang

bukan sahaja dengan lapanganterbang Singapura, bahkan juga dengan lapanganterbang-lapanganterbang negara-negara lain kerana kadar bayaran perkhidmatan lapanganterbang ini ditentukan menurut budi bicara sesebuah negara.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah kelewatan memperbaiki sistem perkhidmatan di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Saya suka memaklumkan bahawa tindakan-tindakan sedang diambil untuk mengadakan rekabentuk pembesaran bangunan terminal lapanganterbang, kompleks kargo, tempat meletakkan kapalterbang dan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Kerja-kerja pembinaan akan dilaksanakan sebaik sahaja kajian yang teliti itu diselesaikan yang dijangka pada tahun 1978. Dengan siapnya kerja-kerja pembesaran lapanganterbang tersebut maka lapanganterbang itu akan menjadi lapanganterbang antarabangsa yang sama tarafnya dengan lapanganterbang-lapanganterbang antarabangsa yang moden di negara-negara lain dan mempunyai kebolehan untuk menampung perkembangan terafik sehingga tahun 1983.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai tambang Sistem Penerbangan Malaysia bagi perkhidmatan di antara Kuala Lumpur dan Singapura. Saya suka memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju di atas kenaikan kadar tambang penerbangan bagi sektor Kuala Lumpur/Singapura sebanyak 15%. Sungguhpun tarikh menguatkuasakan kadar kenaikan ini bermula pada 1hb Julai, 1976 tetapi kadar tersebut belum lagi dilaksanakan oleh kerana pihak Kerajaan Singapura belum memutuskan samada bersetuju ataupun tidak di atas kenaikan tambang tersebut. Pihak Pengurusan Sistem Penerbangan Malaysia juga telahpun berhubung dengan pihak pentadbiran Singapura untuk mendapatkan persetujuan cadangan kenaikan tambang bagi sektor Kuala Lumpur/Singapura dan sebaliknya. Ini adalah disebabkan bahawa sebarang kenaikan tambang penerbangan yang melibatkan antara sesebuah negara dengan sesebuah negara yang lain, maka negara yang berkenaan hendaklah juga memberi persetujuannya terhadap kenaikan tambang itu.

Mengenai perkara kenaikan tambang perkhidmatan penerbangan dalam negeri,

Sistem Penerbangan Malaysia yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat dan Ahli Yang Berhormat dari Silam, saya suka memaklumkan bahawa kenaikan tambang dalam negeri yang berkuatkuasa mulai bulan Mei 1974 itu adalah hanya sebanyak 10% sahaja. Semenjak tahun 1974 tambang penerbangan antarabangsa telah naik tidak kurang dari enam kali yang berjumlah lebih kurang sebanyak 37%. Tetapi di sebaliknya, dengan kenaikan kos yang sama untuk sektor-sektor dalam negeri, tambang penerbangan dalam negeri dinaikkan sekali dari 5% kepada 10% dalam tahun 1974 dengan kenaikan yang terakhir berjumlah sebanyak 15% mulai 1hb Julai, 1976. Kenaikan tambang ini adalah disebabkan oleh kenaikan kadar yang tinggi telah berlaku kepada harga minyak dan lain-lain kos pengendalian. Kadar kenaikan kos minyak sahaja telah meningkat sebanyak lebih kurang 250% semenjak bulan Mei 1974. Kenaikan tambang penerbangan dalam negeri ini adalah lebih rendah dibandingkan dengan negara-negara jiran yang telah menaikkan harga tambang dalam negeri sebanyak 35% dan negara-negara lain dari 10% hingga 50%. Memandangkan kepada perbandingan ini, maka adalah didapati bahawa kenaikan tambang penerbangan di dalam negeri Sistem Penerbangan Malaysia adalah berpatutan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat selanjutnya meminta supaya Sistem Penerbangan Malaysia menjalankan perkhidmatan penerbangan tambang murah ke lapangan terbang yang ada di Semenanjung Malaysia. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Sistem Penerbangan Malaysia telah menjalankan perkhidmatan penerbangan tambang murah di antara Kuala Lumpur—Pulau Pinang/Singapura/Kuching/Kota Kinabalu. Mulai 1hb Oktober, 1976, Sistem Penerbangan Malaysia telah mengadakan tambahan perkhidmatan penerbangan tambang murah di antara Kuching dan Kota Kinabalu. Untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan tambang murah ada beberapa faktor yang perlu diambil perhatian oleh pihak Sistem Penerbangan Malaysia iaitu kemudahan-kemudahan mendarat di waktu malam di sesebuah lapangan terbang, keupayaan mengadakan kapal terbang dan permintaan dari orang ramai ke atas perkhidmatan tersebut. Pihak Sistem Penerbangan Malaysia sedang mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan tambang murah

malam di lapangan terbang yang lain sekiranya perkhidmatan tersebut boleh diadakan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang meminta supaya Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang digcrakkan menjadi pusat perdagangan antarabangsa yang cergas bahawa Kementerian saya telah dan sedang menjalankan usaha-usaha untuk memajukan lagi peranan dan perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan tersebut bagi mencapai matalamat menjadikan Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan yang penting bagi saluran perdagangan antarabangsa. Usaha-usaha ini termasuklah pembesaran dermaga-dermaga bagi kedua-dua pelabuhan itu dan juga mempercckapkan lagi sistem perkhidmatan pelabuhan-pelabuhan tersebut.

Berhubung dengan Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sukaiah saya menyatakan bahawa Surat Pekeliling yang dimaksudkan itu adalah suatu Surat Pekeliling yang telah dikeluarkan oleh Senior Reservation Controller, Sistem Penerbangan Malaysia bertarikh 18hb Ogos, 1976 yang ditujukan kepada semua Reservation Head, Sistem Penerbangan Malaysia. Surat Pekeliling itu bukanlah merupakan suatu arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun keputusan Jemaah Menteri. Tetapi Surat Pekeliling itu adalah perkelilingan Jabatan sebagai panduan yang harus dijadikan asas pertimbangan kepada semua Reservation Head, Sistem Penerbangan Malaysia apabila menerima dan menyediakan tempahan apakala menghadapi masalah-masalah yang berbangkit. Saya dukacita kerana Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya mengemukakan cabutan perenggan kedua sahaja daripada kandungan penuh Pekelilingan itu. Dengan membaca hanya perenggan dua Surat Pekeliling tersebut tanpa menyemak perenggan-perenggan yang berikutnya di dalam Surat Pekeliling itu akan menimbulkan kekeliruan maknanya. Walau bagaimanapun, saya sukaiah menjelaskan di sini bahawa di dalam perenggan tiga Surat Pekeliling itu ada menyebutkan sekiranya tempat duduk kelas pertama tidak dapat disediakan oleh kerana penempahan telah ditentukan, maka sebagai pilihan, pihak Sistem Penerbangan Malaysia akan menawarkan tempahan di dalam senarai penunggu

kelas pertama bagi Yang Berhormat Menteri-menteri. Sekiranya penawaran untuk tempahan dalam senarai penunggu tidak dapat juga diadakan, maka Sistem Penerbangan Malaysia akan menawarkan tempat duduk kelas ekonomi. Jelas kepada kita sekiranya dibaca seluruh Pekelilingan itu dari perenggan satu hingga tujuh maka nyatalah bahawa maksud pekelingan tersebut tidak bermakna penumpang-penumpang yang membayar tambang penuh kelas satu yang telah ditentukan tempahannya mesti diturunkan ke kelas ekonomi kerana adanya tempahan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri. Saya tidak faham mengapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sengaja mengemukakan perenggan dua daripada Pekelilingan itu pada hal seharusnya jika beliau berniat memberi pandangan-pandangan yang jujur beliau patut mengemukakan kandungan sepenuhnya Pekelilingan itu kerana beliau tentu sedar bahawa dengan memisahkan perenggan dua daripada lain-lain perenggan seluruhnya dalam Pekelilingan itu akan memberi makna yang mengelirukan. Tetapi jika tujuan beliau sengaja mengelirukan maka perbuatan itu tidak adil.

Ahli Yang Berhormat dari Jasin ada menyentuh mengenai gerabak penumpang Kelas Satu dan Dua yang didapati masih tidak mencukupi dan Keretapi Tanah Melayu masih menggunakan alat-alat lama bila hendak menggerakkan keretapi. Dalam perkara yang dibangkitkan itu sukalah saya menyatakan bahawa 34 buah koc baru telah diperolehi dan telah sampai di Malaysia dalam bulan ini. Koc-koc itu terdiri daripada 20 buah koc jenis ekonomi dan 14 buah koc jenis delux. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan memesan sebanyak 32 buah koc dan 31 buah rangka bawah dengan tujuan membina koc di bengkelnya sendiri.

Yang Berhormat dari Jasin juga ada menyentuh mengenai Keretapi Tanah Melayu masih menggunakan Ordinan 1948 beliau mencadangkan supaya ditukarkan kepada Ordinan 1976. Nama Keretapi Tanah Melayu harus ditukarkan kepada Keretapi Malaysia demikian juga lain-lain perubahan mengenai keretapi belum memuaskan. Sukalah saya menjelaskan bahawa Ordinan Keretapi 1948 masih lagi digunakan oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tetapi sekiranya ada apa-apa perubahan yang baharu pindaan

adalah dibuat daripada satu masa ke satu masa. Cadangan supaya nama Keretapi Tanah Melayu ditukarkan kepada Keretapi Malaysia adalah dihargai dan dikaji. Keretapi Tanah Melayu menyedari adanya beberapa kelemahan di dalam perkhidmatannya, usaha yang bersungguh-sungguh sedang dan akan dijalankan untuk memperbaikinya.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru mencadangkan supaya peruntukan dibuat bagi membolehkan Keretapi Tanah Melayu memajukan tanah-tanah simpanannya yang banyak itu seperti membuat bangunan atau binaan untuk disewakan. Suka saya menyatakan tanah simpanan Keretapi Tanah Melayu adalah kawasan yang dikhaskan untuk kegunaan keretapi sepenuhnya bagi kepentingan pergerakan kemajuan perdagangan Keretapi Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu memanglah telah menjadi perhatian dan usaha-usaha ke arah kemajuan tersebut akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah dia jawapan saya dan jika ada selain daripada apa yang telah saya jawab ini pihak Kementerian saya sedia menimbangkan.

3.26 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Subhan bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan syor mengenai Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh soalan pengambilan balik tanah yang bermilik, beliau telah mencadangkan supaya tanah bermilik yang sesuai untuk rancangan diambil balik dan diberi hakmilik kepada petani-petani. Ini mungkin bermaksud tanah-tanah ladang besar yang ada di negeri kita ini.

Kalaulah ini maksud Ahli Yang Berhormat maka ingin saya menerangkan bahawa pengambilan balik sesuatu tanah yang bermilik hendaklah mengikut kehendak-kehendak yang ada di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960. Mengikut tafsiran Kementerian ini cadangan Yang Berhormat itu

adalah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 3 Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusi-kan Mesyuarat*)

Mengikut butir-butir awal yang didapati oleh Kementerian ini daripada Urusetia Pusat Rancangan Buku Hijau ada lebih kurang 130,000 ekar tanah bermilik untuk kegunaan pertanian yang terbiar yang tidak diusahakan. Ketika ini didapati tidak ada peraturan dan cara-cara yang difikirkan sesuai bagi mengatasi masalah ini. Ini adalah disedari oleh Kementerian ini dan oleh itu pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah membuat 2 cadangan untuk mengatasi masalah tanah seperti ini:

- (i) Mengadakan satu Institusi yang dinamakan Lembaga Amanah Tanah. Ini adalah satu institusi yang baru. Perkara itu telah dibentangkan kepada Majlis Tanah Negara pada 14-10-1976. Seterusnya Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga badan-badan yang bersangkutan akan mengkaji lagi dengan teliti cadangan ini. Insitusi Lembaga Amanah Tanah ini adalah bertujuan untuk memainkan peranan yang lebih aktif, dalam lingkungan undang-undang berkaitan dengan tanah, yang sedia ada, setelah diubahsuai, bagi menjamin supaya tanah-tanah yang tidak diusahakan disebabkan oleh perkara-perkara berikut dimajukan dan mengeluarkan hasil:

- (a) Tuan tanah meninggal dunia dan surat kuasa ke atas pesaka tersebut tidak diambil;
- (b) Tanah yang tidak dibayar hasil atau cukai tanah;
- (c) Tuan tanah tidak diketabui dan tanah itu terbiar; dan
- (d) Lot-lot tanah yang kecil dan dianggap tidak ekonomik.

- (ii) Kementerian ini mencadangkan supaya Kanun Tanah Negara dipinda dan mengadakan peruntukan yang membolehkan (enabling provision), yang membenarkan Kerajaan Negeri membuat peraturan-peraturan mengenai tanah-tanah pertanian yang telah diberikan milik tetapi tidak diusahakan.

Perkara ini juga masih dalam pertimbangan Majlis Tanah Negara. Pada masa ini ada peruntukan membolehkan (enabling provision) di dalam Kanun Tanah Negara yang membenarkan Kerajaan-kerajaan Negeri membuat peraturan-peraturan kepada tanah-tanah padi (sawah) yang terbiar. Dengan adanya peruntukan ini di dalam undang-undang ia akan membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengujudkan peraturan-peraturan tertentu di negeri masing-masing memberi kuasa kepadanya dan pihak-pihak yang mewakilinya masuk dan mengusahakan tanah-tanah pertanian yang telah diberi milik tetapi tidak diusahakan oleh tuan punya tanah seperti yang telah dibuat untuk tanah-tanah padi. Dengan cara ini, Kerajaan Negeri boleh memastikan bahawa tanah-tanah pertanian di negeri masing-masing boleh diusahakan secara maksima.

Ahli Yang Berhormat dari Ledang mencadangkan pembukaan rancangan tanah di kawasan Sempadan Malaysia-Thailand supaya dapat memberi tanah kepada rakyat yang tidak bertanah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pembukaan rancangan tanah di kawasan-kawasan yang melibatkan keselamatan negara, adalah tertakluk kepada syur-syur dari Majlis Keselamatan Negeri yang kemudiannya akan mengemukakan perkara tersebut kepada Majlis Keselamatan Negara dan seterusnya perkara ini dikaji dan diteliti oleh sebuah Jawatankuasa di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Jika didapati projek tersebut sesuai dari segala-galanya untuk dibuka dan dimajukan, ianya akan dilaksanakan.

Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan:

- (i) Supaya tanah-tanah yang diberi milik kepada rakyat diusahakan; dan
- (ii) Supaya pengusahaan tanah-tanah yang tersebut itu dibuat secara kooperasi untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang berkenaan.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini. Cadangan ini adalah baik dan Kementerian ini mengetahui ada beberapa sebab mengapa

petani-petani tidak mengusahakan tanah mereka. Di antaranya adalah kepayahan petani itu mengadakan modal untuk mengusahakan tanah itu. Apabila disebut modal ia bermakna kemudahan kredit dan juga jentera untuk mengusahakan pertanian moden. Masalah-masalah lain yang berkaitan ialah tanah-tanah tersebut tidak ekonomik untuk diusahakan; tuan tanah tidak diketahui dan tinggal jauh, maka tanahnya terbiar.

Ada juga negeri-negeri yang mempunyai Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian yang mana satu daripada tugasnya ialah untuk membaiki keadaan tanah-tanah terbiar ini. Selain dari itu, Kementerian ini telah mengemukakan satu kertas kerja kepada Majlis Tanah Negara berhubung dengan pengujutan Institusi Lembaga Amanah Tanah bertujuan untuk membaiki tanah-tanah pertanian yang terbiar seperti saya kata tadi.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Ledang tentang penggunaan tanah-tanah oleh orang-orang kampung di mana didapati ada kawasan-kawasan yang terbiar dan producti itnya rendah. Ini adalah satu perkara yang berlaku di setengah-setengah kawasan.

Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun yang lampau FELCRA telahpun menjalankan kegiatan-kegiatan dan usah-usaha pemulihan rancangan-rancangan tanah yang didapati kurang maju yang diselenggarakan oleh beberapa Kerajaan Negeri pada awal tahun-tahun 60an. Setakat ini FELCRA telah memulih 28 buah rancangan Tanah Pinggir seluas 24,000 ekar. Di bawah Rancangan Malaysia yang Ketiga seluas 5,000 ekar lagi akan dipulih oleh FELCRA. Ini telah memberi faedah kepada ramai penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Ini adalah selain daripada rancangan-rancangan tanah belia yang dimajukan oleh FELCRA.

Mengenai tanah-tanah kampung yang mempunyai keluasan yang kurang atau tidak ekonomik, FELCRA sedang membuat kajian untuk memajukan kawasan-kawasan itu dengan menyusun semula kampung-kampung tradisional ini bagi menambahkan pengeluaran, mempercekapkan serta memodenkan kegiatan-kegiatan pertanian dan memberi kemudahan-kemudahan yang lebih

memuaskan kepada orang-orang kampung. Dengan cara ini, susunan masyarakat kampung bukan sahaja menjadi lebih tersusun tetapi akan meninggikan lagi pendapatan mereka sebagai petani-petani yang lebih progressive.

Kementerian mengarahkan FELCRA untuk mencari satu kawasan perkampungan yang sesuai untuk dijadikan satu pilot projek bagi pembangunan pertanian setempat atau "*in situ agricultural development*". Sekiranya rancangan ini didapati viable atau mencapai tingkat kemajuan yang lebih berkesan, maka FELCRA akan menumpukan kegiatan-kegiatannya ke arah kemajuan pertanian mengikut aliran ini. Tetapi samada ini lebih baik diselenggarakan melalui koperasi ataupun melalui pertubuhan peladang dan sebagainya, ini belum dapat ditentukan sehingga hasil kajian pilot projek ini dapat dibuktikan.

Yang Berhormat Ahli dari Ledang juga menyentuh bahawa semua pemborong-pemborong dalam bidang pembangunan tanah adalah terdiri daripada bukan Bumiputra sahaja. Ini adalah kurang tepat, kerana agensi-agensi pembangunan tanah di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah iaitu FELDA dan FELCRA sentiasa menitik beratkan penyertaan pemborong-pemborong Bumiputra baik dalam FELDA atau FELCRA. Setakat ini telah terdapat ramai pemborong-pemborong Bumiputra yang telah maju dan berjaya melaksanakan sebahagian daripada projek-projek pembangunan pertanian dan juga dalam bidang pembinaan dalam FELDA dan FELCRA.

Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mempunyai satu Jawatankuasa mengenai penyertaan Bumiputra dalam bidang borong sejak tahun 1974 lagi yang dipengerusikan oleh saya sendiri dan Jawatankuasa ini sentiasa mengawasi tentang kemajuan-kemajuan pemborong-pemborong Bumiputra yang menjalankan pekerjaan dalam agensi-agensi tersebut serta membantu mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat telah membangkitkan soalan bicara pesaka kecil. Jika kerja menguruskan aspek pentadbiran tanah yang tersebut di atas dibuat dengan betul adalah menasabah dianggarkan

penyelesaian bicara harta pesaka kecil ini dapat diselesaikan dalam kadar masa selewat-lewatnya setahun. Ada juga permohonan-permohonan ini yang tidak diuruskan dan tidak diselesaikan hingga lebih 2 tahun atau lebih lama lagi. Daripada laporan yang diterima daripada Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri didapati, selalunya, kelewatan ini berlaku kerana waris-waris yang berkenaan tidak dapat mengikut kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Undang-undang yang ditentukan oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah yang berkenaan.

Sekarang ini Kementerian sedang menyusun peraturan bekerja untuk memudahkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah menyelesaikan perbicaraan harta pesaka ini.

Mengenai Pengeluaran Suratan Hak Milik Sementara kepada pemilik. Adalah nyata bahawa kerja Pendaftaran sudah bertambah-tambah lebih banyak umpamanya, lebih 200% di Negeri Selangor, Perak dan Negeri Sembilan. Sedangkan pekerja-pekerja di Pejabat Tanah bertambah pada kadar lebih kurang 80% sahaja. Oleh yang demikian itu, jika berlaku kelewatan Pendaftaran Suratan Hak Milik Sementara pemaaju-pemaaju perumahan, Kementerian ini percaya ini adalah kerana banyaknya bebanan penyediaan suratan hak milik yang dihadapi oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah.

Kementerian ini sedang mengadakan penyiasatan dan akan memperakukan cara-cara untuk mempercepatkan perkara Pendaftaran itu. Satu pasukan Petugas untuk memodenkan pentadbiran Tanah Negara telahpun ditubuhkan dan sudah pun memulakan kerja-kerja dan diharap pentadbiran tanah di masa akan datang akan dapat lebih baik dan berkesan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan perkara mengenai Premium yang dikenakan kepada tukar syarat tanah. Beliau mencadangkan supaya ianya dikurangkan atau dihapuskan. Kadar premium yang dikenakan kepada tukar syarat penggunaan tanah dari pertanian kepada perindustrian dan lain-lain adalah ditentukan oleh tiap-tiap Kerajaan Negeri yang berkenaan. Kadar Premium ini pula adalah berbeza-beza dari satu negeri ke satu negeri.

Premium adalah satu daripada unsur kewangan Kerajaan-kerajaan Negeri, dan bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai unsur-unsur kekayaan (natural resources) yang lain ia sangat-sangat bergantung kepada premium dan juga cukai-cukai tanah yang dikutip bagi pentadbiran negeri-negeri tersebut.

Kerajaan memang sedar bahawa beban akibat daripada kadar premium yang tinggi ini adalah dipertanggungjawabkan kepada pembeli-pembeli tanah tersebut. Oleh itu, syor-syor Ahli Yang Berhormat itu akan dipanjangkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dikaji dan dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu menggesa supaya Kerajaan membantu sepenuhnya Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan SALCRA untuk mencapai matlamatnya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari kawasan Lubok Antu mengetahui, Sarawak Land Development Board (SLDB) dan SALCRA adalah agensi-agensi pembangunan tanah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Agensi-agensi ini mempunyai matlamat yang tertentu dan seterusnya sedang menjalankan beberapa aktiviti untuk mencapai matlamat masing-masing dengan bantuan wang daripada Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan memanglah membantu setakat mana yang boleh untuk membolehkan badan-badan ini menjalankan aktiviti masing-masing dengan memuaskan. Bantuan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan, terutama sekali bagi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak merupakan aspek-aspek seperti berikut:

- (i) Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebanyak \$53.6 juta telah dikhaskan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak sebagai pinjaman Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek sambungannya dan juga projek-projek yang baru. Pihak S.L.D.B. sedang mengadakan perundingan dengan Perbendaharaan dan juga Kementerian ini untuk mendapatkan pinjaman ini dan juga untuk mendapatkan pinjaman tambahan bagi beberapa projek yang lain.

- (ii) Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah juga melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Tanah memberi kerjasama sepenuhnya kepada S.L.D.B. dan SALCRA di dalam apa juga jurusan yang diperlukan oleh badan-badan ini terutama sekali dari segi penyelarasan dan juga perhubungan yang perlu dibuat di antara badan-badan ini dengan badan-badan Kerajaan Persekutuan.
- (iii) Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan kerjasama badan-badan berkanun di bawahnya terutama sekali FELDA dan FELCRA juga dapat memberi bantuan-bantuan yang diperlukan dalam bidang pembangunan tanah dan juga pembangunan masyarakat yang mana kedua-dua badan ini mempunyai pengalaman. Satu rombongan yang diketuai oleh saya sendiri telahpun melawat Sarawak dengan tujuan memerhati dengan dekat aktiviti-aktiviti S.L.D.B. dan mengetahui kejayaan dan masalah yang dihadapi oleh badan-badan ini supaya bantuan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian mengenai pemberian tanah di negeri Sarawak, pengambilan balik tanah dan pembayaran ganti rugi kepada pemilik tanah yang diambil balik oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah diminta oleh Kerajaan Negeri Sarawak supaya jelas dan memperbetulkan gambaran yang mengeliru yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Kerajaan Negeri Sarawak juga telah meminta saya supaya meminta Ahli Yang Berhormat itu membuktikan tuduhan-tuduhannya. Tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat itu telah memberi satu gambaran seolah-olahnya Kerajaan Negeri Sarawak bersifat tidak adil, bersifat double standard, mengvictimizekan serta mendiskriminasikan orang-orang kampung dengan orang-orang bandar dalam pengambilan balik tanah dan pembayaran ganti rugi. Saya sangat dukacita bahawa ucapan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mengenai perkara ini adalah berupa satu "sweeping statement", tidak bertanggungjawab dan mengelirukan Dewan

ini daripada apa yang sebenar-benarnya berlaku di negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat telah menyatakan sungguhpun Negeri Sarawak itu luas tetapi ia dapati "kebanyakan rakyat semua kaum yang tinggal di Sarawak tidak ada mempunyai tanah walau seinci pun".

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak betul sama sekali dan memberikan satu gambaran yang mengelirukan. Mungkin tidak semua atau tiap-tiap orang anak Negeri Sarawak mempunyai tanah akan tetapi kebanyakan daripada mereka ada mempunyai tanah. Misalnya lebih kurang 3,452 batu persegi Native area land dan lebih kurang 7,000 batu persegi customary right land yang mana boleh dipunyai dan diteroka oleh orang-orang bumiputra. Juga lebih kurang 4,748 batu persegi mixed zone land yang boleh dipunyai dan diteroka oleh bukan bumiputra. Memanglah tidak dapat kita nafikan bahawa ada di kalangan-kalangan rakyat di Negeri Sarawak belum lagi mendapat tanah seperti yang mereka kehendaki, akan tetapi kalau mereka ada memohon kepada pihak Kerajaan, terpaksalah mereka menunggu giliran mereka untuk mendapat tanah-tanah itu. Soalan pembahagian tanah bukannya satu perkara yang mudah. Kawasan itu hendaklah terlebih dahulu ditentukan dan juga kesesuaian tanah itu untuk bercucuk tanam hendaklah ditentukan juga. Selain dari itu permohonan-permohonan itu hendaklah disiasat dan ditapisi. Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan satu Agensi Pembangunan Tanah iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (S.L.D.B.) yang ditugas untuk membuka dan memajukan beribu-ribu ekar tanah di Negeri Sarawak untuk diterokakan oleh anak-anak negeri dan ini terbuka kepada semua kaum.

Selain dari itu baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak juga telah menubuhkan satu Agensi baru iaitu SALCRA (Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak) yang bertujuan sama iaitu untuk membuka dan memajukan tanah-tanah, terutama sekali tanah-tanah yang berupa "native customary right land". Untuk rancangan yang pertama, SALCRA akan memajukan satu kawasan di Lubok Antu. Saya telah difahamkan bahawa setakat ini SALCRA sedang menyediakan tapak semeaian untuk kelapa sawit. Terbukanya kawasan-kawasan ini maka dapatlah anak-anak negeri Sarawak menikmati

satu cara pertanian dan penghidupan yang baru yang akan dapat memberi mereka satu pendapatan yang agak lebih daripada apa yang mereka nikmati sekarang.

Mengenai tuduhan bahawa Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak memberi tanah kepada orang-orang yang sudah memiliki tanah dan bukan kepada orang-orang yang tidak bertanah. Tuduhan ini adalah tidak betul semata-mata dan tidak berasas, kerana saya telah difahamkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak salah satu daripada syarat sebelum seseorang bakal peneroka diterima di dalam rancangan yang diselenggarakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak ini ialah beliau tidak mempunyai tanah kerana salah satu daripada tujuan S.L.D.B. ialah untuk mengatasi masalah mereka yang tidak bertanah.

Mengenai pengambilan balik tanah dan pembayaran ganti rugi kepada tuan-tuan punya tanah Ahli Yang Berhormat telah menyatakan tidak puas hati di kalangan tuan punya tanah atas ganti rugi yang diberikan oleh pihak Kerajaan dan heliau telah menyatakan bahawa ada tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan dengan dibayar ganti rugi dari \$8 hingga \$80 seekar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi kenyataan bahawa ada tuan-tuan punya tanah tidak puas hati apabila tanah-tanah mereka diambil, akan tetapi pihak Kerajaan tidak mengambil tanah-tanah itu dengan tidak mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Kerajaan hanya mengambil balik tanah milik untuk kepentingan orang ramai misalnya untuk membuat jalanraya, hospital, sekolah-sekolah, klinik, bandar-bandar dan rancangan-rancangan Kerajaan seperti yang dibuat oleh S.L.D.B. dan SALCRA yang akan menguntungkan rakyat sendiri. Apabila Kerajaan menaksir pembayaran ganti rugi kepada tuan-tuan tanah Kerajaan adalah berpandu kepada Undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada terkandung di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah ataupun bagi Kerajaan Negeri Sarawak Kanun Tanah Negeri Sarawak (Sarawak Land Code). Dalam menaksirkan harga-harga tanah yang diambilkan itu pihak Kerajaan terpaksa mengikut asas-asas ataupun kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu mengikut Undang-undang Kanun Tanah Negeri Sarawak yang telah diluluskan oleh Dewan

Undangan Negeri. Di antara lain asas ataupun basis penaksiran itu ialah mengikut "current market value of the land" iaitu harga pasaran tanah tersebut pada masa ianya diwartakan di bawah seksyen 47/48 dan juga kegunaan tanah itu pada masa hendak diambil samada tanah itu berkategori pertanian, untuk perumahan commercial and industrial dan sekatan-sekatan yang terkandung dalam surat milik itu. Selain dari itu samada tanah yang dikehendaki itu berdekatan dengan kemudahan-kemudahan asas ataupun tempat-tempat yang sudah maju. Ini bermakna tanah yang jauh dari bandar ataupun dari jalanraya tentulah sekali murah daripada tanah dalam pekan tanah dalam hutan murah dari tanah di pekan. Mengenai tuduhan-tuduhan tanah-tanah yang diambil oleh pihak Kerajaan hanya dibayar dengan harga \$8 seekar sahaja. Saya ingin meminta Ahli Yang Berhormat memberi kenyataan yang specific supaya dapat perkara ini diselidiki oleh Kerajaan Negeri. Suka saya menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa selain daripada bayaran harga tanah Kerajaan juga membayar ganti rugi atas tanaman-tanaman yang sudah ada di tanah itu dengan harga-harga yang tertentu yang tercatat dalam Undang-undang Kerajaan Negeri. Selain dari itu tuan-tuan tanah yang diambil itu diberi keutamaan menyertai rancangan-rancangan tanah itu. Ini bermakna mereka untung dua kali. Juga jika didapati perlu tuan tanah bolehlah diberi ganti dengan tanah lain jika ada dan dipersetujui oleh mereka. Yang lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa tanah itu diambil hanya selepas mendapat persetujuan daripada tuan-tuan tanah. Peruntukan dalam Kanun Tanah Negeri Sarawak, ada menyebutkan kalau sekiranya tuan tanah itu tidak berpuas hati dengan harga yang ditaksirkan oleh pihak Kerajaan, maka mereka bolehlah merayu kepada pihak yang berkenaan dan seterusnya kepada Mahkamah. Dalam negara kita ini hak terhadap harta adalah dijamin oleh Perlembagaan Artikel 13--quote.

- (2) "Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi."

Oleh itu soal ketidakadilan ini tidaklah timbul sama sekali.

Satu tuduhan Ahli Yang Berhormat itu mengenai bayaran ganti rugi yang berbunyi "seliranya si pemilik tanah itu meminta lebih dari itu maka mereka akan dianggap sebagai radikal dan pertolongan kemudahan dari Kerajaan pun tidak akan diberi". Beliau terus berkata, "pada fikiran saya, ini adalah merupakan satu diskriminasi untuk orang-orang kampung dan terutama sekali bagi mereka yang miskin. Jikalau Kerajaan hendak mengambil tanah dalam kawasan bandar, kiranya si pemilik tanah itu meminta harga yang terlampau tinggi pun Kerajaan tidak akan membantah untuk menerima permintaan itu".

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak memandang berat dan serius atas tuduhan Yang Berhormat dari Serian ke atas Kerajaan Negeri Sarawak. Perkataan-perkataan Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah menuduh bahawa Kerajaan Negeri Sarawak itu adalah bersifat tidak adil, mengvictimizekan orang-orang kampung dan orang miskin, mempraktis diskriminasi dan "double standard" dalam penaksiran harga tanah dan pembayaran ganti rugi di antara orang-orang kampung dan pemilik tanah dalam bandar. Saya minta Yang Berhormat dari Serian supaya membuktikan tuduhan-tuduhan ini. Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak adalah bersifat adil dan menjalankan tugas-tugas mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang Negeri, menadbirkan negeri dengan cara demokrasi.

Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu membuktikan siapa dan di mana si pemilik tanah yang meminta lebih daripada yang diberikan oleh pihak Kerajaan itu dianggap sebagai radikal dan di mana Kerajaan telah tidak memberi pertolongan kemudahan kepada mereka, oleh kerana mereka tidak bersetuju dengan ganti rugi yang diberi oleh Kerajaan itu.

Ahli Yang Berhormat adalah juga dipinta membuktikan tuduhannya bahawa jikalau Kerajaan hendak mengambil tanah dalam kawasan bandar, kiranya si pemilik tanah itu meminta harga yang terlampau tinggi pun Kerajaan tiada membantah untuk menerima permintaan itu. Saya akan menyampaikan bukti-bukti yang diberi oleh Yang Berhormat kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk diselidiki dan diperbetuli. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengingat saudara Ahli Yang Berhormat dari Serian

supaya mendapat maklumat-maklumat dan kenyataan-kenyataan yang betul sebelum membuatkan tuduhan-tuduhan yang liar dan tidak bertanggungjawab dalam Dewan yang mulia ini.

3.55 p.m.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi syor-syor dan teguran ke atas Kementerian saya sepanjang perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1977. Saya suka memaklumkan bahawa segala syor-syor dan teguran itu adalah diambil perhatian yang berat oleh Kementerian saya demi kepentingan bersama.

Berkenaan dengan soalan "Primary products prices stabilisation fund" yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Padawan, saya suka memaklumkan bahawa perkara ini sudah dihincangkan dengan teliti di antara negara-negara membangun dan negara-negara yang sudah maju di bawah naungan UNCTAD. Di antara cara-cara yang dibincangkan untuk mencapai tujuan itu ialah dengan jalan mengujudkan "common fund" dan stok penimbun seperti yang dicadangkan oleh pihak UNCTAD di bawah "integrated programme" untuk bahan-bahan utama. Beberapa rundingan telah diadakan di Geneva mulai daripada September tahun ini di antara kedua-dua belah pihak untuk mengkaji melaksanakan cadangan itu.

Bagi bijih timah, seperti Yang Berhormat sedia maklum satu Perjanjian Timah Antarabangsa telahpun dibuat sejak 20 tahun dahulu dengan tujuan yang sama. Berkenaan dengan bahan-bahan utama yang lain seperti kayu dan minyak-minyak sayuran, cara-cara lain untuk mengstabilkan harga barang-barang itu melalui compensatory scheme sedang dikaji di peringkat antarabangsa.

Sukacita saya menyatakan bahawa bagi bahan utama getah, Kerajaan Malaysia sedang berusaha mengambil inisiatif untuk mengujudkan satu Perjanjian Pengsetabilan Harga Getah Asli Antarabangsa yang meliputi semua negara-negara anggota Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Sekim Pengsetabilan Harga Getah Asli Antarabangsa adalah untuk mengsetabilkan harga getah kepada satu paras

yang sesuai baik kepada pengeluar-pengeluar, serta juga kepada pengguna-pengguna bahan-bahan utama tersebut. Perjanjian ini dijangka akan ditandatangani oleh Menteri Negara-negara Anggota iaitu Indonesia, Thailand, Malaysia, Singapura dan Sri Lanka di Jakarta pada penghujung bulan November ini.

Sebagai menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar yang telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan supaya peruntukan yang diberi kepada RISDA tidak masuk ke dalam saku pegawai-pegawainya, dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan memang sedar tentang perlunya menentukan sebarang peruntukan kepada RISDA digunakan untuk tujuan sebagaimana ditetapkan. Ke arah ini, kajian telah pun dijalankan untuk mengesan kelemahan dan kecacatan-kecacatan baik dari segi undang-undang penubuhan RISDA dan pengurusan rancangan di bawah tanggungjawabnya, mahupun dari segi mengujudkan strategi-strategi baru yang harus diambil untuk menentukan kecekapan di dalam pentadbiran RISDA.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum pada bulan April tahun ini, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah membentangkan di dalam Dewan ini suatu akta bagi meminda di antara lain Ordinan Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952, dan Akta RISDA, 1952, yang bertujuan untuk menutup kelonggaran-kelonggaran dan kelemahan yang telah disalahgunakan.

Di samping itu satu Yunit Penyiasatan dan Penilaian telah ditubuhkan di RISDA untuk mengawasi perlaksanaan tugas harian di seluruh negeri. Adalah diharapkan pasukan petugas khas ini akan dapat mengelakkan lagi perbuatan-perbuatan yang tidak diinginkan.

Selain daripada langkah-langkah di atas ini, usaha-usaha yang positif juga telah diambil untuk menyedarkan pekebun-pekebun kecil akan kewajipan mereka bersama-sama untuk melapurkan kepada pihak berkenaan jika didapati sebarang kekurangan di dalam pelaksanaan rancangan dan pentadbiran RISDA. Strategi ini adalah dijalankan melalui Rancangan Pembangunan Masyarakat RISDA (PMR).

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru membangkitkan masalah kelambatan pekebun kecil getah menerima atau menyesuaikan perkara-perkara penyelidikan untuk meninggikan mutu pengeluaran getah dan selanjutnya mencadangkan supaya Kementerian Perusahaan Utama menubuhkan satu perbadanan untuk menyiasat atau mengkaji secara mendalam cara-cara pekebun kecil untuk menerima atau menyesuaikan dengan secepatnya penyelidikan-penyelidikan teknologi yang dijalankan atas pengeluaran getah.

Di sini saya memaklumkan bahawa RISDA adalah satu badan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan sebagai bertanggungjawab kepada segala perancangan dan implementasi ke atas semua hasil-hasil penyelidikan di sektor pekebun kecil. RISDA sentiasa bekerjasama dengan badan-badan penyelidikan yang lain untuk meninggikan mutu pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini satu Jawatankuasa Tetap telah ditubuhkan di antara pegawai-pegawai RISDA dan Pusat Penyelidikan Getah Malaysia untuk mengkaji dari masa ke semasa atas masalah-masalah penyelidikan teknologi samada dari segi implementasinya mahupun dari segi penyelidikan-penyelidikan baru yang dikehendaki dibuat untuk memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil.

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang dipertua, terlebih dahulu saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, membuat teguran serta mengemukakan syor-syor kepada Kementerian saya bagi faedah belia di negara ini.

Berhubung dengan masalah dadah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang, Batang Padang dan Setapak, maka suka saya menyatakan iaitu Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian yang berat dalam masalah penyalahgunaan dadah ini. Kementerian saya bersama-sama dengan ejensi-ejensi lain telah berusaha bagi menerangkan kepada belia-belie tentang penyalahgunaan dadah ini. Kementerian saya juga bekerja rapat dengan PEMADAM bagi mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga memberitahu tentang kegiatan projek-projek belia peladang yang dijalankan oleh Kementerian saya kerana ini ada kaitannya dengan soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Batu Pahat dan Dungun. Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat kerana memberi perhatian kepada rancangan-rancangan yang ada dijalankan oleh Kementerian saya seperti mengadakan rancangan projek Belia Peladang, KOBENA dan lain-lain. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah diperuntukkan sebanyak \$13.4 juta bagi projek Belia Peladang ini. Dengan peruntukan itu saya akan mengarahkan semua pejabat-pejabat di negeri-negeri supaya badan-badan belia di peringkat Negeri dan Daerah mengambil peluang dari rancangan-rancangan ini. Sehingga akhir tahun 1975 sebanyak 886 projek telahpun dijalankan di bawah Rancangan ini di mana melibatkan serta memberi pekerjaan kepada 7,378 orang belia.

Dalam pelaksanaan projek-projek Belia Peladang ini Kementerian saya sememangnya berharap dapat menggunakan jentera-jentera moden yang telah ada dalam pasaran pada hari ini dan setakat yang mampu akan memberi bantuan kepada badan-badan belia bagi membeli jentera-jentera pertanian moden ini.

Berhubung dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kangar saya telahpun mengarahkan pegawai-pegawai di Kementerian saya menyiasat keadaan yang sebenarnya. Memangnya menjadi dasar Kementerian ini untuk memberikan bantuan kepada belia-belie yang ingin menjalankan perniagaan dan Kementerian ini mengambil perhatian yang berat kepada latihan dalam bidang perniagaan ini. Latihan-latihan ini dijalankan samada di Pusat-pusat latihan seperti di MARA ataupun menerusi Latihan Sambil Bekerja.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar ini juga mengenai rancangan Lawatan Sambil Belajar maka sukalah saya memaklumkan di sini iaitu Kementerian saya sememangnya menggalakan lawatan tersebut bagi memberi peluang kepada belia-belie bagi mendapatkan pengetahuan dan pengalaman dengan mengadakan lawatan-lawatan ini supaya mereka dapat

menjadi pemimpin belia yang benar-benar berpengetahuan dan berpandangan luas. Walau bagaimanapun, di masa-masa akan datang saya akan memastikan supaya bilangan mereka yang dipilih dari golongan yang tidak bekerja diperbanyakkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas soalan-soalan dan teguran yang telah dikedukakan kepada Kementerian saya dan saya akan mengambil perhatian berat kepada tiap-tiap teguran dan pandangan tersebut. Terima kasih.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh berkenaan dengan aktiviti-aktiviti Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Ingin saya memberi ulasan-ulasan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan.

Saya tertarik dengan ucapan Ahli Yang Berhormat dari Setapak. Di antara lain beliau telah menyeru pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja supaya mengubah konsep perjuangan mereka. Beliau seterusnya mencadangkan supaya Kesatuan Sekerja bersama-sama dengan pihak Kerajaan dan pihak Majikan bertanggungjawab untuk melatih pekerja-pekerja dalam bidang industri untuk mencapai kemahiran yang sesuai dengan perindustrian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah bersependapat dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, bahkan perkara ini telah beberapa kali ditekankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam perjumpaan dengan Kesatuan Sekerja.

Walaupun bagaimanapun, ingin saya menegaskan di sini bahawa pada amnya pergerakan Kesatuan Sekerja di negara ini telah jauh berubah dari konsep perjuangan tradisional iaitu untuk memperjuangkan syarat-syarat gaji dan perkhidmatan yang lebih baik bagi ahli-ahli mereka. Pihak Kesatuan Sekerja di Malaysia adalah sedar mengenai tanggungjawab mereka untuk mempertimbangkan lagi kemahiran pekerja-pekerja dalam hal ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat

sedia maklum satu Instituti Teknologi Pekerja-pekerja (**Workers' Institute of Technology**) diasaskan oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan sedang dibina di Kelang untuk melatih dan mengeluarkan pekerja mahir di peringkat pertengahan bagi industri-industri kita. Adalah diharapkan pengambilan penuntut yang pertama akan dapat dijalankan pada pertengahan tahun hadapan. Di samping itu ada beberapa kesatuan-kesatuan sekerja yang besar seperti Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang yang telah menceburkan diri dalam bidang perindustrian dengan secara usahasama dengan pemodal dari dalam dan luar negeri. Aktiviti-aktiviti ekonomi ini telah juga berkembang dalam bidang kewangan dan Banking.

Dengan itu, sukacita saya nyatakan di sini bahawa pergerakan Kesatuan Sekerja di negara ini pada amnya adalah mampu dan sanggup menyahut seruan Kerajaan untuk bersama-sama meninggikan taraf hidup pekerja dan rakyat di negara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kinta telah menyentuh dengan panjang lebar mengenai Undang-undang Buruh yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya iaitu Ordinan Pekerjaan, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini perundingan di antara Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan wakil M.T.U.C. mengenai cadangan pindaan kepada Undang-undang Buruh yang dikemukakan oleh M.T.U.C. telahpun selesai. Berikutan dengan ini Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan berunding pula dengan pihak Majikan sejajar dengan dasar tiga pihak (tripartite) yang diamalkan oleh kita selama ini. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak akan ragu-ragu membuat apa jua pindaan kelak, akibat perbincangan-perbincangan ini sejajar dengan kepentingan negara dan semua pihak.

Akta Perhubungan Perusahaan dan Ordinan Kesatuan Sekerja ada memperuntukkan hak-hak pekerja untuk mengambil bahagian dalam Kesatuan Sekerja. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, jika seseorang pemimpin Kesatuan Sekerja atau Ahli-ahlinya dibuang kerja oleh Majikan semata-mata kerana aktiviti-aktivitinya di dalam Kesatuan, maka mereka

bolehlah mengadu kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan kesnya dibicarakan di Mahkamah Perusahaan. Tiaptiap tindakan salah yang dilakukan oleh pihak majikan atau pekerja ada cara untuk membaikinya dalam sistem perhubungan perusahaan dan undang-undang negara ini.

Dalam perkara pembayaran gaji murah kita telah mengadakan beberapa Majlis Penetapan Gaji Minima untuk melindungi hak-hak pekerja dengan menetapkan gaji minima mereka. Jika ada eksploitasi berlaku sebagaimana yang dituduh oleh Yang Berhormat itu, silalah lapurkan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat nama dan tempat pekerjaan itu dan tindakan mengikis eksploitasi ini akan diambil. Ahli Yang Berhormat itu bolehlah berpuashati bahawa pegawai-pegawai di Kementerian sedar atas kewajipan di mana tempat pekerjaan walaupun tangga gaji pada permulaannya rendah tetapi dengan kemajuan perusahaan tangga gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang lain telah bertambah maju. Ini proses industrialization yang Kerajaan telah lancarkan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk melantik satu Suruhanjaya Penyiasat Di Raja mengenai struktur gaji atas jenis-jenis yang berbeza pekerja-pekerja kilang, maka ini adalah tidak perlu kerana struktur gaji yang berbeza di antara pekerja-pekerja kilang semestinya berlaku oleh sebab mereka bekerja dalam industri yang berlainan, tempat yang berlainan dan juga keadaan yang tidak serupa dan Kerajaan sedia mempunyai kejenteraan untuk membaiki keadaan di sesuatu tempat yang kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja jawapan-jawapan yang dapat diberi dan saya ucapkan terima kasih.

4.15 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti perbahasan di atas Ucapan Belanjawan saya dengan penuh minat dan serius sekali. Dan sebelum mengulung perbahasan atas ucapan Belanjawan saya itu, izinkanlah saya menyatakan bahawa saya amat sukacita sekali kerana Belanjawan yang saya bentangkan pada umumnya telah diterima dengan baik oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga oleh orang ramai di luar Dewan ini samada di kalangan orang kebanyakan ataupun di kalangan pakar-pakar

dan pengulas-pengulas ekonomi dan kewangan. Saya berasa puas hati terutamanya kerana tidak banyak timbul ulasan-ulasan yang menyoal perkara-perkara pokok yang telah saya huraikan di dalam Belanjawan saya. Ini menunjukkan bahawa Belanjawan yang telah dibentangkan dan strategi-strateginya pada keseluruhannya disambut baik oleh orang ramai.

Di sepanjang perbincangan ke atas Belanjawan ini terdapat banyak cadangan-cadangan dan syor-syor yang bernas dan membina yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepada mereka, izinkan saya menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih. Kementerian saya akan mengkaji segala pandangan dan cadangan ini dengan teliti dan sekiranya didapati sesuai dan praktikal cadangan-cadangan dan syor-syor ini akan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan di dalam Ucapan Belanjawan saya bahawa Belanjawan adalah ditakrifkan sebagai sebuah rancangan ekonomi tahunan. Dengan demikian adalah tidak wajar untuk menganggap Belanjawan ini sebagai alat untuk menyelesaikan dan mengatasi segala masalah negara. Saya juga tidak menyatakan yang Belanjawan ini dengan sendirinya akan mencapai matlamat-matlamat pokok pembangunan sosio-ekonomi negara. Di sebaliknya, Belanjawan sebagai sebuah rancangan ekonomi tahunan merupakan salah satu alat untuk melaksanakan pembangunan sosio-ekonomi negara secara berperingkat-peringkat di dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Jangka Panjang 1970-1990.

Sebilangan kecil Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyatakan yang bahawa Belanjawan ini lebih menguntungkan golongan kaya. Saya ingin mengingatkan di sini bahawa perubahan cukai bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi lebih-lebih lagi perkembangan perindustrian, dan meringankan beban yang ditanggung oleh golongan pembayar cukai yang berpendapatan rendah. Perubahan-perubahan cukai yang telah dikemukakan mencerminkan matlamat-matlamat ini. Walau bagaimanapun, cukai hanya merupakan salah satu daripada alat untuk mengurangkan kemiskinan. Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya lebih menumpukan

perhatian kepada soal-soal cukai sahaja sedangkan soal-soal pembahagian dan faedah yang akan didapati daripada peruntukan perbelanjaan, lebih-lebih lagi perbelanjaan pembangunan tidak banyak dibahaskan. Faedah-faedah yang akan dapat dinikmati daripada peruntukan pembangunan sebanyak \$4,694 juta tidak dapat tidak akan mengurangkan kemiskinan.

Seorang Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah meminta supaya jangian dibuat apa-apa penyemakan cukai atau kepada kadar-kadar cukai sebelum Belanjawan akan datang. Saya tidak dapat memberi jaminan ini kerana ianya adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip Belanjawan sebagai rancangan ekonomi tahunan yang dinamis. Kalau boleh memang saya suka bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan kerana tiada siapa pun yang suka membayar cukai tetapi malangnya tidak ada seorang pun Menteri Kewangan di dunia ini yang boleh bersetuju dengan permintaan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong melahirkan keraguannya terhadap ramalan pertumbuhan ekonomi kita pada tahun 1977. Saya suka menegaskan di sini bahawa angka-angka ramalan tersebut merupakan jangkaan sahaja dan dengan demikian ramalan ini tertakluk kepada pembetulan bilamana terdapat maklumat-maklumat baru. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat Perutusan Belanjawan di Dewan Negara pada awal tahun ini dalam mana telah dinyatakan bahawa Pertumbuhan untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Cooperation and Development—O.E.C.) telah menyemak pertumbuhan ekonomi negara-negara ahlinya beberapa kali di sepanjang tahun 1975. Oleh kerana negara kita berhubung rapat dengan negara-negara ini sebagai rakan perniagaan, maka perkembangan-perkembangan di dalam negara-negara tersebut tentunya akan mempengaruhi ramalan pertumbuhan ekonomi kita. Dengan demikian sekiranya negara-negara O.E.C.D. menyemak kembali ramalan pertumbuhan ekonomi mereka dan katakan pertumbuhan ekonomi mereka akan turun maka penyemakan yang serupa seharusnya dilakukan ke atas ramalan pertumbuhan ekonomi kita. Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa ekonomi negara-negara perindustrian ini akan terus meningkat dalam

tahun 1977 sepertimana yang tercatat di dalam ramalan terakhir mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga melahirkan keraguannya terhadap jangkaan pertumbuhan pelaburan swasta untuk tahun 1977. Di dalam Lapuran Ekonomi, saya telah menjelaskan dengan panjang lebar mengapa pelaburan swasta dijangkakan akan tumbuh sebanyak 10% di dalam tahun 1977. Perlu juga diingatkan bahawa pemulihan di dalam kegiatan pelaburan atau aktiviti-aktiviti perindustrian biasanya adalah lebih perlahan jika dibandingkan dengan pemulihan kegiatan ekonomi. Lagi pun kadar pertumbuhan sebanyak 10% itu merupakan bandingan dengan kadar-kadar pertumbuhan yang rendah di dalam tahun 1976 iaitu sebanyak 3% dan tahun 1975 sebanyak yang menunjukkan tolak 4%. Jadi sungguhpun pertumbuhan nampaknya tinggi, tetapi pertumbuhan sebenar pelaburan daripada parasnya pada masa sebelum rosotan mungkin tidak begitu tinggi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyatakan yang Kerajaan sengaja menunjukkan lebih Belanjawan yang kecil untuk menguatkan kedudukannya di dalam perundingan dengan CUEPACS. Ini adalah tidak benar. Ahli Yang Berhormat dari Kepong tentu bersetuju bahawa di dalam satu-satu ekonomi yang terbuka seperti negara kita, adalah sukar untuk membuat ramalan yang tepat seratus peratus. Apatah lagi ramalan yang dibuat ini adalah ramalan meliputi keadaan ekonomi pada keseluruhannya dan inilah yang menyulitkan Kerajaan untuk membuat ramalan yang tepat. Anggaran lebihan sebanyak \$55 juta yang ditunjukkan itu adalah dibuat selepas mengkaji perbelanjaan dan hasil Kerajaan dengan teliti. Adalah tidak wajar bagi saya menyatakan apa-apa mengenai penyemakan gaji di sini oleh kerana perkara ini masih di dalam proses perundingan di antara Kerajaan dan CUEPACS.

Ahli Yang Berhormat itu juga apabila menyebutkan peruntukan pembangunan sebanyak 4,694 juta ringgit untuk tahun 1977 telah mendakwa bahawa peruntukan ini tidak akan dapat dibelanjakan sepenuhnya. Saya suka menegaskan di sini bahawa saya akan berusaha bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk menentukan supaya peruntukan yang telah disediakan itu akan dibelanjakan

mengikut paras yang tinggi demi untuk mencapai matlamat dan objektif Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha-usaha lebih gigih sedang dibuat untuk memperbaiki penyelarasan dan pelaksanaan projek-projek dan rancangan pembangunan supaya tindakan-tindakan untuk membuat pembetulan dapat dibuat dengan cepat pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Sistem kawalan akan diperkemas untuk mengawasi kemajuan projek-projek. Mutu tenaga manusi di dalam perkhidmatan Kerajaan akan senantiasa diperbaiki dan ditambah menerusi latihan-latihan khusus. Ini akan menambahkan lagi tenaga manusia yang terlatih dan mahir. Saya penuh yakin yang kita akan dapat meningkatkan lagi daya pelaksanaan kita dalam tahun 1977.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penerangan lanjut mengenai perkara hutang negara dan perbelanjaan untuk membayar faedah dan lain-lain kerana persoalan ini telah ditimbulkan beberapa kali di dalam tiap-tiap perbahasan mengenai Belanjawan. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kepong dan Seremban telah melahirkan kebimbangan mereka mengenai soal hutang negara. Salah seorang daripadanya mencadangkan supaya Kerajaan jangan lagi meminjam daripada luar negeri. Saya ingin menekankan di sini bahawa Kerajaan perlu meminjam daripada sumber-sumber luar negeri untuk membiayai pembelian alat-alat dan bahan-bahan yang mesti diimpor untuk projek-projek pembangunan kita.

Ada juga cadangan supaya sebagai ganti pinjaman luar negeri, wang simpanan luar Kerajaan hendaklah digunakan untuk membiayai pembangunan. Saya suka menyatakan di sini bahawa cadangan itu bukanlah satu cadangan yang baru oleh kerana kita juga menggunakan wang simpanan luar Kerajaan untuk tujuan ini pada masa-masa yang difikirkan perlu. Umpamanya, dalam tahun 1976 adalah dijangka sebanyak \$101 juta wang simpanan Kerajaan digunakan dan dalam tahun 1977 sebanyak \$368 juta dijangka akan digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan. Perbezaan yang terdapat ini di antara angka-angka yang saya sebutkan tadi jelas menunjukkan bahawa Kerajaan juga menggunakan wang simpanan luarnya dan hanya membuat

pinjaman luar negeri mengikut keperluan masa. Hasil daripada cukai sahaja tidak mencukupi sekiranya kita ingin mengembangkan lagi pembangunan ekonomi kita. Kita tidak boleh menggunakan terlalu banyak wang simpanan luar kita, kerana ini akan menjejaskan kedudukan kredit negara kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan kebimbangan masing-masing mengenai perkara ini mungkin ingin mengetahui bahawa pihak Bank Dunia dan Kumpulanwang Antarabangsa atau yang dikenali ramai sebagai I.M.F. berpendapat bahawa negara kita masih boleh meminjam lebih banyak lagi daripada sumber-sumber luar negeri untuk membiayai pembangunan kita. Kumpulanwang Antarabangsa (I.M.F.) di dalam laporannya pada tahun 1975 menyebut:

“... Bahawa memandang kepada nisbah pembayaran hutang luar negeri yang masih rendah dan yang juga prospek eksport sepenuh masa yang baik, kedudukan Malaysia adalah sihat untuk membuat lebih banyak lagi pinjaman luar negeri.”

Dengan demikian adalah jelas bahawa paras hutang negara kita adalah masih rendah. Ini menunjukkan bahawa kita tidak meminjam terlampau banyak. Kita meminjam hanya untuk projek-projek pembangunan yang menasabah dan yang boleh memberi faedah kepada rakyat jelata dan yang memerlukan pertukaran wang asing yang besar. Buku yang dikenali sebagai “International Financial Statistics” keluaran I.M.F. menunjukkan bahawa perbelanjaan kita untuk membayar faedah dan lain-lain lagi adalah di antara yang paling rendah di dunia. Dengan demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat tidaklah perlu bimbang mengenai hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit telah bertanya samada patut atau tidak digubal satu dasar harga dan pendapatan (incomes price policy). Sebenarnya, dasar kewangan dan belanjawan yang ada sekarang ini sudah pun mengandungi unsur-unsur dasar harga dan pendapatan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah satu perkara yang rumit dan ianya juga memerlukan pengkajian yang lebih lanjut untuk disesuaikan dengan keadaan sosio-ekonomi negara kita.

Saya ucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan baik dan membina mengenai cukai baru bagi tahun 1977.

Saya berasa bangga kerana mendapat sokongan yang menggembirakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham bahawa amatlah sukar bagi seseorang Menteri Kewangan hendak mengemukakan cadangan-cadangan cukai yang boleh memuaskan semua pihak. Bolehlah dikatakan tidak ada seorang Menteri Kewangan dalam mana-mana negara pun yang dapat mengatur cadangan-cadangan cukainya yang dapat diterima oleh tiap-tiap golongan masyarakat tanpa mengorbankan jumlah cukai yang akan mengakibatkan bertukarnya sistem ekonomi dan politik negara yang berkenaan. Dalam konteks negara kita yang mempunyai berbilang kaum dan adanya taraf kehidupan yang berbeza-beza, tidaklah hairan jika cadangan-cadangan cukai yang saya telah kemukakan itu akan menimbulkan perasaan tidak puas hati dari pihak-pihak yang tertentu. Tidakkah saya ketahui samada perasaan yang ditunjukkan oleh mereka itu disebabkan mereka tidak faham atau sengaja tidak mahu faham di atas cara-cara dan teknik yang digunakan bagi menghasilkan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat atau mereka membangkang untuk mencari nama (cheap publicity) atau hanya kerana semata-mata hendak membangkang.

Namun demikian, saya fikir eloklah saya memberi penjelasan selanjutnya di atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa perbincangan yang telah berlalu itu.

Rebate

Beberapa Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang telah menyatakan bahawa “rebate” sebanyak \$60 yang dicadangkan untuk perseorangan dan \$30 untuk isteri yang tidak bekerja adalah satu pemberian yang tidak bermakna kerana ianya terlalu kecil, katanya. Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mungkin telah lupa atau sengaja melupakan bahawa dalam persidangan Dewan Rakyat yang lalu, beberapa soalan telah dibuat oleh mereka itu sendiri yang meminta Kerajaan menambahkan pelepasan cukai perseorangan dan untuk isteri. Tujuan cadangan yang dikemukakan oleh mereka itu ialah untuk meringankan beban belanja hidup bagi mereka yang berpendapatan rendah.

Kerajaan adalah sentiasa mengambil berat atas cadangan-cadangan yang baik dan membina yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Parlimen, terutama sekali mengenai cadangan yang boleh meringankan beban belanja hidup rakyat. Oleh kerana Kerajaan mestilah menimbangkan nasib golongan yang berpendapatan rendah yang sememangnya wajar untuk diberi perhatian, maka kita telah menerima cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang Parlimen yang lalu. Tetapi kita telah bersetuju memberi "rebate" dan tidak dengan cara menambah pelepasan cukai oleh kerana ini merupakan cara yang paling sesuai bagi mencapai matlamat ini. Saya suka menerangkan bahawa cadangan Kerajaan untuk memberi "rebate" sebanyak \$60 untuk orang perseorangan dan \$30 untuk isteri yang tidak bekerja adalah dibuat sebagai ganti kepada kenaikan jumlah pelepasan yang dicadangkan oleh orang ramai, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah pihak Pembangkang. Kerajaan memilih cara pemberian "rebate" oleh kerana faedahnya akan lebih dapat dinikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah. Sebagaimana yang telah saya terangkan dalam Ucapan Belanjawan saya, sekiranya pelepasan cukai ditambah sebanyak \$1,000 kepada tiap-tiap pembayar cukai, keuntungan daripada langkah ini adalah berganda-ganda lebih besar kepada mereka yang berpendapatan tinggi. Misalnya, pembayar cukai dalam "tax bracket" 55% akan mendapat pengurangan cukai sebanyak \$550 manakala pembayar cukai dalam "tax bracket" 6% akan hanya mendapat faedah sebanyak \$60 sahaja. Oleh itu, sekiranya tambahan pelepasan cukai diberi sama rata kepada tiap-tiap pembayar cukai, jelaslah dari contoh yang disebutkan tadi bahawa cara ini tidak sesuai langsung untuk menolong pembayar cukai yang berpendapatan rendah.

Ada pula Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengatakan kaedah "rebate" ini banya menguntungkan golongan pembayar-pembayar cukai saja tetapi tidak memberi apa-apa faedah kepada golongan berpendapatan rendah yang tidak membayar cukai. Ingin saya tegaskan di sini bahawa pemberian "rebate" adalah satu langkah percukaian dan tentu ia terhad kepada mereka yang membayar cukai sahaja. Bagi golongan berpendapatan rendah yang tidak membayar cukai, Kerajaan menjalankan langkah-

langkah fiskal dan sosio-ekonomi lain yang lebih mengutamakan kepentingan sektor dan golongan yang berpendapatan rendah dan miskin untuk menolong mereka supaya mencapai objektif menaikkan taraf kehidupan mereka.

Saya percaya pihak Pembangkang tidak jujur dalam ucapan mereka mengkritik Kerajaan di atas cadangan pemberian "rebate" sebanyak \$60 itu. Sebagaimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, beberapa pihak yang mewakili golongan-golongan yang berpendapatan rendah telahpun menyambut baik pemberian pelepasan cukai oleh Kerajaan dalam bentuk "tax rebate" itu. Seorang pemimpin kesatuan sekerja yang terkemuka bukan sahaja telah menerima baik bahkan telah menyokong pemberian "rebate" itu sebagai langkah yang benar-benar membantu mereka yang bergaji rendah ataupun berpendapatan kecil. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mendakwa diri mereka sebagai juara golongan berpendapatan rendah telah mengecil-ngecilkan cadangan ini. Mengenai hal ini saya pun suka bertanya, siapakah sebenarnya yang mereka wakili, sedangkan cadangan-cadangan ini telah diterima baik oleh pihak-pihak berkenaan?

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyentuh perkara cukai pembangunan. Beliau telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya pelepasan cukai pembangunan ke atas tiap-tiap orang perseorangan yang mempunyai pendapatan dari sumber pembangunan kurang daripada \$3,000 diberikan juga kepada penjaja-penjaja kecil. Saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak faham ataupun tidak mahu memahami cadangan saya itu kerana saya telah tegaskan dalam ucapan saya bahawa pelepasan cukai pembangunan itu adalah diberi kepada semua orang perseorangan. Ini bermakna, tiap-tiap orang, samada iaitu seorang penjaja ataupun peneroka ataupun seorang petani diberi pelepasan dari cukai pembangunan sekiranya pendapatan pembangunannya kurang daripada \$3,000.

Bijih Timah

Saya ingin menyentuh persoalan beban duti eksport dan sercaj atas bijih timah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson. Perlu saya menyatakan sekali lagi bahawa pindaan atas sercaj

dan duti eksport ini bertujuan membantu pelombong-pelombong apabila harga bijih timah berada di paras yang rendah. Oleh kerana kedudukan pasaran yang begitu setabil dan harga bijih timah yang baik pada masa ini, Kerajaan berpendapat bahawa sektor perlombongan wajar membuat sumbangan kepada hasil negara. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bijih timah merupakan perusahaan bahan yang menjadi kurang (depleting resource industry) dan tidak dapat diganti seperti perusahaan bahan-bahan mentah yang lain seperti getah dan kelapa sawit.

Walau bagaimanapun, bukanlah tujuan Kerajaan mengenakan cukai ini untuk membebaskan pengusaha-pengusaha bijih timah. Saya ingin menyebut di sini bahawa di paras harga yang tinggi kadar cukai ke atas tiga bahan utama, iaitu getah, bijih timah dan kelapa sawit, adalah disusun sebegitu rupa supaya ianya adalah lebih kurang sama sahaja. Persamaan ini adalah difikirkan munasabah dan saksama.

Sebagai misalan, pada paras harga yang paling tinggi, cukai atas bahan-bahan utama iaitu getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit merupakan lebih kurang 30% dari harga. Bagi bijih timah, misalnya, pelombong-pelombong dikenakan jumlah cukai sebanyak \$326.76 di paras harga \$1,500 iaitu duti merupakan 21.8% dari harga bijih timah. Jika Cukai atas Keuntungan Berlebihan Timah (Tin Excess Profit Tax) dikira sebagai 10% daripada harga, jumlah besar yang dipungut oleh Kerajaan dari pelombong-pelombong ialah 31.8% daripada harga. Sebagai perbandingan saya ingin menyatakan bahawa bagi getah, jumlah cukai yang dipungut ialah 31.6% daripada harga di paras harga 135 sen satu paun dan bagi minyak kelapa sawit pula cukai Kerajaan adalah 31.4% dari harga di paras harga \$1,400 satu tan.

Cukai Jalan atas Motosikal

Saya perhatikan juga, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat samada dari pihak Pembangkang ataupun dari pihak Kerajaan sendiri telah menegur cadangan cukai jalan ke atas motosikal yang diubahkan daripada satu kadar rata kepada kadar mengikut kuasa injin motosikal itu. Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun menyatakan bahawa motosikal adalah alat pengangkutan bagi

mereka yang berpendapatan rendah dan oleh itu tidaklah patut bagi Kerajaan menaikkan cukai jalan ke atas motosikal. Di sini eloklah saya jelaskan bahawa bagi jenis-jenis motosikal yang mempunyai kuasa injin kurang daripada 75 c.c., cukai jalan tidak dinaikkan. Oleh itu, di mana timbulnya bebanan cukai kepada orang-orang yang berpendapatan rendah yang kebanyakannya menggunakan motosikal yang mempunyai kuasa injin yang rendah. Bagi motosikal yang kuasa injin di antara 75 c.c. dan 150 c.c. tambahan cukai jalan ialah sebanyak \$5 sahaja setahun. Tambahan ini ialah sebanyak 1.4 sen sahaja sehari. Jika dihitung selama 30 hari ataupun sebulan, tambahan cukai itu kurang daripada harga satu kotak rokok yang dibeli. Dan bagi motosikal-motosikal yang lebih daripada 150 c.c., saya berpendapat mereka yang menggunakan motosikal seperti ini tentulah boleh membayar cukai jalan yang lebih tinggi sedikit kerana jenis motosikal ini bukanlah yang selalunya digunakan oleh pihak yang berpendapatan rendah. Sungguhpun demikian, saya menerima baik pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan akan mengkaji perkara ini dari masa ke semasa.

Cukai Eksais atas TV, peti ais dll.

Berhubung dengan cukai eksais atas alat-alat letrik seperti peti-peti TV, peti ais dan lain-lain, didapati beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menegur cadangan Kerajaan menambahkan cukai ke atas alat-alat itu. Ahli-ahli Yang Berhormat menyangkakan bahawa tidaklah benar bagi barang-barang itu dianggap sebagai barang-barang mewah ataupun barang-barang separuh mewah kerana keperluan bagi alat-alat itu telahpun bertambah. Dalam perkara ini saya rasa istilah mewah dan separuh mewah membawa kepada berbagai-bagai tafsiran. Akan tetapi suka saya mengatakan bahawa barang-barang ini bukanlah sebenarnya barang perlu. Yang mustahak bagi kepentingan hidup mengikut pendapat saya ialah makanan, tempat tinggal dan pakaian dan oleh itu mereka yang berkehendakkan barang-barang seperti peti TV, peti ais dan sebagainya patutlah menerima tambahan cukai sedikit atas alat-alat itu. Namun demikian, ingin saya jelaskan di sini bahawa kenaikan yang telah dibuat sebanyak 10% itu sangatlah kecil dan tidak mengakibatkan kenaikan harga yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya Kerajaan mengurangkan kadar cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan untuk membantu peniaga-peniaga di Pulau Pinang dan juga sebagai langkah menggalakkan pelancungan, saya ingin terangkan iaitu cukai jualan yang dikenakan itu adalah dikenakan ke atas semua perusahaan dan perniagaan di Malaysia. Oleh kerana Pulau Pinang telahpun dimasukkan ke dalam Kawasan Utara Kastam tidaklah wajar diadakan perbezaan antara satu bahagian kawasan dengan bahagian-bahagian yang lain.

Saya sedar tentang kesusahan yang dihadapi sementara ini oleh peniaga-peniaga di Pulau Pinang akan tetapi saya berpendapat cara percukaian sahaja tidaklah sesuai digunakan sebagai alat untuk meringankan masalah mereka itu sekarang. Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Kerajaan sedang dan akan mengadakan rancangan-rancangan yang sesuai yang tidaklah dapat dibuktikan di sini yang akan memberi faedah terus kepada penduduk-penduduk Pulau Pinang.

Mengenai cukai perkhidmatan, perluasan cukai itu kepada perkhidmatan yang didapati di luar hotel tidak sepatutnya menjejaskan perkembangan pelancungan antarabangsa.

Saya berpendapat tidak ada sebab mengapa minat pelancungan akan reda dengan perluasan cukai ini; sebab cukai itu hanya dikenakan ke atas rumah-rumah urut kebanyakannya ada di luar hotel-hotel besar kerana perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan yang didapati dalam hotel sememangnya telahpun dikenakan cukai.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan mengenai ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang mereka membahaskan ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh saya pada 9hb Oktober yang lalu.

Saya suka mengakhiri ucapan ini dengan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas ulasan-ulasan membina dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Belanjawan 1977. (Tepuk).

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,694,337,589 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1977 dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1977 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 tahun 1976, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan lima dan enam senarai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah sebelas hari Dewan ini membahaskan dengan panjang-lebarnya bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan, 1977 dan juga membahaskan Usul berkenaan dengan Perbelanjaan Pembangunan telah kita tamatkan dengan puas hatinya dan saya fikir eloklah sebelum Dewan ini beredar masuk kepada Jawatankuasa, saya tempohkan Majlis Mesyuarat ini dalam 10 ke 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.52 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.15 petang.

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

JADUAL

Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 (Jadual)—

Kepala P. 8 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1977)—

5.16 pg.

Menteri Tak Berpottfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1977 di bawah Pecahan-kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14, diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Kepala-kepala yang disebutkan di atas adalah berjumlah \$220,403,200.

KEPALA B. 1—PARLIMEN

Jabatan Parlimen berkehendakkan peruntukan sebanyak \$6,682,000 sahaja dan tidak ada tambahan kakitangan yang dicadangkan bagi tahun 1977.

KEPALA B. 2—MAJLIS RAJA-RAJA

Anggaran Belanja Mengurus adalah sebanyak \$157,700.

KEPALA B. 3—JURUODIT NEGARA

Peruntukan yang dikehendaki ialah sebanyak \$6,926,300 diperlukan.

Sebahagian besar dari tambahan perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan gaji bagi jawatan-jawatan baru yang akan diwujudkan bagi tahun 1977. Berikutan dari bertambahnya beban kerja, khususnya dalam aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun, adalah penting bahawa Pejabat Juru Odit Negara dilengkapi dengan kakitangan yang cukup bagi menentukan bahawa penguasaan perbelanjaan oleh agensi-agensi Kerajaan, dikawal.

KEPALA B. 4—SURUHANJAYA PILIHANRAYA

Jumlah peruntukan yang dipohon di bawah Kepala Bekalan B. 4 ialah sebanyak \$2,396,500.

KEPALA B. 5—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Jumlah anggaran ialah sebanyak \$1,982,000.

KEPALA B. 6—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KERETAPI

Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi memerlukan peruntukan Perbelanjaan Mengurus berjumlah \$114,000 sahaja.

KEPALA B. 7—SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Bagi tahun 1977, Suruhanjaya ini berkehendakkan peruntukan sebanyak \$754,500.

KEPALA B. 8—JABATAN PERDANA MENTERI

Peruntukan Anggaran Belanja Mengurus yang diperlukan oleh Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1977 ialah \$56,877,000.

Bahagian Pengurusan Bangunan-bangunan Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri akan menyelaraskan pemindahan beberapa Kementerian dan Jabatan Kerajaan ketika blok bangunan 17 tingkat di Kompleks Pejabat Kerajaan di Jalan Duta itu siap. Selain dari itu Pejabat-pejabat Bangunan Kayu di Jalan Duta bagi peringkat pertama dan kedua yang berjumlah 27 blok itu akan dapat disiapkan sepenuhnya pada awal tahun 1977.

Peruntukan sebanyak \$1 juta telah juga dimasukkan di bawah peruntukan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1977 untuk aktiviti PERNAS Edar Sdn. Bhd. yang mana sebelum daripada ini diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Pem rian subsidi kepada Lembaga Perancang Keluarga Negara dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga bertambah, masing-masing sebanyak \$1,908,800 dan \$867,300.

KEPALA B. 9—JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan mengurus sejumlah \$111,298,300 di bawah Kepala Bekalan 9, untuk Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jabatan ini akan menambahkan lagi bilangan biasiswa dan hadiah latihan kepada penuntut-penuntut untuk mengikuti berbagai kursus khasnya dalam bidang sains dan teknologi di dalam dan luar negeri dengan tujuan untuk membanyakkan lagi calon-calon yang berkelayakan bagi memegang jawatan-jawatan Iktisas dan Separa Iktisas di Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Penambahan bilangan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang-bidang yang tertentu adalah penting bagi Kerajaan untuk melaksanakan rancangan-rancangan

pembangunannya. Untuk tujuan itu, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$60.6 juta iaitu tambahan sebanyak \$7.7 juta, jika dibandingkan dengan tahun 1976, sebagai bayaran biasiswa dan hadiah latihan.

Tambahan peruntukan ini juga adalah disebabkan tambahan bayaran Elaun Bantuan Khas kepada pesara-pesara yang telah bertambah bilangannya, khasnya berikutan dengan kakitangan-kakitangan Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang bersara di bawah Tanggagaji Harun akan di-bayar pencen melalui Jabatan Perkhidmatan Awam. Juga tambahan itu disebabkan bayaran tunggakan Elaun Tambahan atas pencen yang belum dijelaskan kepada pesara-pesara Malaysia yang dibayar di luar negeri seperti Sri Lanka, Pakistan, Singapura dan melalui Crown Agents. Sungguhpun usaha-usaha telahpun dibuat untuk membayar tunggakan itu kepada pesara-pesara yang berkenaan tetapi masih lagi terdapat sebilangan pesara-pesara yang belum lagi menerima bayaran tersebut. Tambahan peruntukan yang dikehendaki bagi menampung perbelanjaan itu ialah \$5.3 juta.

KEPALA B. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Jabatan Kehakiman memerlukan peruntukan sebanyak \$9,711,100.

KEPALA B. 11—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH

Untuk tahun 1977 sejumlah \$700,000 adalah dikehendaki bagi membiayai Pentadbiran Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah.

KEPALA B. 12—PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Peruntukan yang dikehendaki adalah berjumlah \$2,232,960.

KEPALA B. 13—PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN MALAYSIA

Pusat ini akan terus menjalankan kegiatan Penyelidikan, Seminar dan Penerbitan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah sosio-ekonomi dalam pelaksanaan rancangan pembangunan negara. Kegiatan-kegiatan ini dijalankan untuk mengesan masalah-masalah pembangunan

dan mengatasinya selaras dengan usaha-usaha Bahagian Penyelidikan Sosio-Ekonomi dan Perancangan Am.

Antara penyelidikan-penyelidikan yang telah dan sedang dijalankan termasuklah Kajian Orientasi Nilai Masyarakat Luar Bandar dan Profail Kampung. Kedua-duanya bertujuan untuk mengesan masalah sikap, nilai dan kesulitan sosio-ekonomi masyarakat luar bandar pada amnya yang menjadi penghalang kemajuan. Seminar-seminar penting pula termasuklah Seminar Kemajuan Desa yang dijalankan di seluruh negara. Penerbitan-penerbitan penting termasuk majalah Foram Pembangunan, Dailog dan lain-lain kertas khas yang berguna untuk panduan pembangunan.

KEPALA B. 14—JABATAN PERANGKAAN

Jabatan ini akan terus giat terlibat dalam mengusahakan data perangkaan yang luas, terutamanya dalam konteks pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga.

Memandangkan kemiskinan ialah satu-satunya masalah yang menjejaskan sektor pertanian, maklumat lengkap berkaitan dengan sektor pertanian perlu dikumpul. Ke arah ini, satu Banci Pertanian akan dijalankan dalam tahun 1977. Banci itu akan cuba memungut selain daripada data mengenai kegiatan-kegiatan pertanian, data pendapatan untuk membolehkan kumpulan-kumpulan kemiskinan dikesan. Kerja-kerja persiapan untuk banci itu telahpun dimulakan di Bahagian Penyiasatan Pertanian dan langkah-langkah sedang diambil untuk menubuhkan susunan yang dikehendaki bagi menjalankan banci itu. Tahun 1977 akan ditumpukan terutamanya bagi menjalankan kerja luar banci itu dan penelitian permulaan data banci. Sejumlah \$6,059,300 diperlukan untuk melaksanakan banci itu.

Sebagai tambahan kepada kegiatan-kegiatan yang lazim mengenai pemungutan dan menganalisa data mengenai sifat-sifat penduduk dan sosial, kerja-kerja akan juga dimulakan bagi peringkat pertama kerja-kerja persiapan untuk Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1980. Jadual waktu kegiatan-kegiatan termasuk corak projek itu. Kerja-kerja awal mengenai pemetaan banci dan pemajuan rangka dan soalan selidik akan bermula. Beberapa pra-percubaan

sistem dan soal selidik akan juga dilakukan. Sejumlah \$171,500 adalah diperlukan untuk kerja itu.

Untuk tugas-tugas ini, Jabatan Perangkaan memerlukan peruntukan sebanyak \$19,552,800 untuk tahun 1977.

KEPALA P. 8—JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Anggaran Pembangunan Tahun 1977, Kepala P. 8—Jabatan Perdana Menteri. Jumlah anggaran adalah \$254,876,235. Suka saya memberi sedikit maklumat mengenai perkara-perkara tertentu di bawah Pecahan-pecahan-kepala berkenaan:

PECAHAN-KEPALA 1:

Peruntukan sebanyak \$8,000,000 adalah dicadangkan bagi kajian-kajian kemungkinan yang sedang berjalan dan juga bagi kajian baru yang akan bermula dalam tahun 1977. Tujuan kajian-kajian ini adalah untuk menentukan kemungkian dan kesesuaian projek-projek untuk pelaksanaan dan juga untuk mendapatkan bantuan luar negeri bagi projek-projek tersebut.

PECAHAN-KEPALA 8:

Peruntukan sebanyak \$40,000,000 adalah dicadangkan bagi pemberian kepada Negeri-negeri untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri membina dan memperbaiki jalan-jalan di luar bandar.

PECAHAN-KEPALA 9:

Peruntukan sebanyak \$4,000,000 adalah dicadangkan bagi Rancangan-rancangan Pembangunan Luarbandar dan peruntukan ini ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti balairaya, padang permainan dan sebagainya untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar.

PECAHAN-KEPALA 10:

Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan memerlukan peruntukan sebanyak \$10,466,215. Dari jumlah itu, sebanyak \$402,732 adalah untuk Lembaga Perancang Keluarga dan sebanyak \$10,063,483 adalah untuk mendirikan Pusat-pusat dan Klinik-klinik Perancang Keluarga, Pusat

Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, klinik-klinik Bidan dan juga bagi perbelanjaan membuat kerja-kerja tambahan bagi sekolah kesihatan luar bandar.

PECAHAN-KEPALA 12:

Peruntukan sebanyak \$172,000,000 adalah dicadangkan bagi Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) oleh kerana PERNAS akan melaksanakan berbagai rancangan perindustrian melalui anak-anak syarikatnya dalam bidang pembinaan, perlombongan, perindustrian dan pembelian saham. Sebagai sebuah agensi Kerajaan untuk mencapai objektif penyusunan semula masyarakat, PERNAS akan membeli saham-saham syarikat swasta dengan tujuan untuk memindahkannya kelak kepada kaum bumiputra.

PECAHAN-KEPALA 13:

Peruntukan sebanyak \$1,000,000 adalah dicadangkan untuk Pusat Penyelidikan Ugama untuk perbelanjaan menyediakan pertapakan dan pembinaan Bangunan Pusat ini. Sebanyak \$100,000 telah dibekalkan dalam tahun 1976 untuk membeli buku-buku dan bahan-bahan penyelidikan bagi Pusat ini.

PECAHAN-KEPALA 14:

Peruntukan sebanyak \$2,000,000 adalah dicadangkan untuk Yunit Amalan Nilai Pemakanan bagi projek-projek pertanian, ternakan dan perikanan. Projek Yunit ini akan dilancarkan di kawasan-kawasan luar bandar bagi memperbaiki taraf pemakanan penduduk-penduduk di luar bandar, terutamanya di Negeri-negeri Trengganu, Kedah, Kelantan, Perak dan Pahang di mana terdapat masalah-masalah pemakanan yang serius, sebagaimana yang dibuktikan dari kadar kematian kanak-kanak antara umur 1-4 tahun.

PECAHAN-KEPALA 15:

Peruntukan sebanyak \$340,000 adalah dicadangkan bagi Pusat Penerangan DATA untuk melengkapi Bahagian Perancang Ekonomi dengan sistem maklumat pengurusan komputer yang akan memberi maklumat-maklumat dan data-data yang terbaru sekali untuk merangka dasar-dasar dan perancangan pembangunan.

PECAHAN-KEPALA 16:

Peruntukan sebanyak \$3,000,000 adalah dicadangkan bagi Pembantu Teknik dan Perunding. Kerajaan Malaysia akan membiayai bersama dengan agensi Bangsa-bangsa Bersatu (U.N.D.P.) bagi beberapa projek yang dahulunya dibiayai sepenuhnya oleh U.N.D.P. secara geran. Ini timbulnya dari masalah aliran tunai yang dialami oleh U.N.D.P. dan dengan tujuan supaya projek-projek seperti Pusat Pembangunan Kurikula, Kemajuan Perhutanan dan sebagainya tidak tergendala, maka Kerajaan Persekutuan akan membiayai bersama projek-projek tersebut.

PECAHAN-KEPALA 17:

Peruntukan sebanyak \$800,000 adalah dicadangkan untuk sistem DATA Cantuman Negara. Projek ini bertujuan untuk mengumpul dan mencantumkan data-data mengenai berbagai aspek sosio-ekonomi termasuk pola pemilikan tanah, pola kepunyaan harta, trend gunatenaga, perubahan penduduk dan lain-lain lagi. Data-data ini akan digunakan untuk merangka dasar-dasar pembangunan yang sesuai dan juga untuk menilai pelaksanaan dasar-dasar yang telah dilancarkan.

PECAHAN-KEPALA 18:

Sebanyak \$1,300,000 adalah diperlukan untuk menampung perbelanjaan bagi menempatkan semula mangsa-mangsa banjir yang terlibat dalam bencana banjir yang berlaku berulang-ulang kali di Kelantan.

PECAHAN-KEPALA 19:

Peruntukan sebanyak \$8,000,000 adalah dicadangkan untuk menyediakan tempat-tempat perniagaan serta mengadakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil di kawasan-kawasan bandar bagi menjalankan perusahaan mereka. Ini adalah satu-satu langkah Kerajaan untuk mengatasi kemiskinan di bandar-bandar.

PECAHAN-KEPALA 20:

Peruntukan tanda sebanyak \$10 adalah dicadangkan bertujuan untuk membolehkan Lembaga Perpaduan Negara menubuhkan kelas-kelas pra-sekolah dan mengadakan kemudahan-kemudahan riadah.

Projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Lembaga ini ialah untuk kegiatan-kegiatan pembangunan di peringkat pra-sekolah dan juga untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi kegiatan sosial dan sukan di kawasan-kawasan bandar yang mempunyai penduduk berbilang kaum.

PECAHAN-KEPALA 21:

Peruntukan sebanyak \$1,000,000 adalah dicadangkan untuk kajian-kajian kemungkinan di Sarawak.

PECAHAN-KEPALA 22:

Peruntukan sebanyak \$800,000 adalah dicadangkan bagi rancangan-rancangan pembangunan luar bandar di Sarawak. Ianya bertujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti balairaya, padang permainan dan sebagainya.

PECAHAN-KEPALA 23:

Peruntukan sebanyak \$50,000 adalah dicadangkan untuk melaksanakan projek-projek Yunit Amalan Nilai Pemakanan di Sarawak.

PECAHAN-KEPALA 24:

Peruntukan sebanyak \$200,000 adalah dicadangkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil di kawasan bandar di Sarawak.

PECAHAN-KEPALA 31:

Peruntukan sebanyak \$1,000,000 adalah dicadangkan bagi menjalankan kajian-kajian kemungkinan di Sabah.

PECAHAN-KEPALA 32:

Peruntukan sebanyak \$660,000 adalah dicadangkan bagi menjalankan rancangan-rancangan luar bandar di Sabah seperti membina balairaya dan sebagainya.

PECAHAN-KEPALA 33:

Peruntukan sebanyak \$25,010 adalah dicadangkan bagi projek-projek Yunit Amalan Nilai Pemakanan di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah.

PECAHAN-KEPALA 34:

Peruntukan sebanyak \$175,000 adalah dicadangkan untuk peniaga-peniaga kecil di Sabah untuk kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur untuk faedah peniaga-peniaga kecil di kawasan-kawasan bandar.

KEPALA P. 10—JABATAN KEHAKIMAN

Jabatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$3,580,000. Dari jumlah ini wang sebanyak \$2,400,000 adalah bagi membaiki Mahkamah-mahkamah serta membina mahkamah baru di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia termasuk Kroh, Kuala Kangsar, Pantai Remis, Telok Anson, Banting, Kuala Pilah, Jasin, Yong Peng, Mersing, Batu Pahat, Temerloh, Pekan dan Bachok dan juga untuk menyiapkan mahkamah-mahkamah baru yang sedang dibina di Alor Star, Tampin dan Pasir Mas. Peruntukan sebanyak \$630,000 adalah juga dipohon untuk menyiapkan sebuah mahkamah baru di Sibul, Sarawak dan peruntukan wang sebanyak \$550,000 adalah diperlukan bagi pembinaan mahkamah-mahkamah baru di Keningau dan Tawau, Sabah.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1977, di bawah Kepala B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14, diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan di bawah Kepala P. 8 dan P. 10 juga diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak mengingatkan bahawa di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada menyebutkan mengenai Kepala P. 8 berhubung dengan Pecahan-kepala lama, iaitu Pecahan-kepala 21, 22, 23 dan 24. Jadi, bila menyentuh di dalam perbincangan mengenai Pecahan-kepala ini, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah merujuk kepada Pecahan-kepala baharu, iaitu Pecahan-kepala 24, 25, 26, dan 27, muka 58 supaya senang diikuti.

Sekarang perbincangan adalah terbuka untuk Ahli-ahli Yang Berhormat.

5.41 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Yang pertama, saya hendak menyentuh B. 1—Parlimen, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, dalam Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Rakyat, satu perkara yang terpenting sekali ialah bahawa kemuliaan, kehormatan dan tatakrama Dewan ini dipelihara dan dipertahankan.

Semasa saya mengambil bahagian dalam perbincangan atas Belanjawan tahun 1977 pada 11b November, 1976 yang lalu, saya telah meminta supaya satu siasatan diadakan di dalam Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd. yang menguruskan pelayaran kapal-kapal haji ke Mekah, tentang perhubungannya dengan Russia kerana dua orang pemimpin tertinggi UMNO yang menjadi suara penentang yang lantang terhadap ketidak-sebatian di antara Islam dengan komunisme, telah terlibat dalam syarikat tersebut.

Pada hari esok iaitu 21b November, 1976, Ahli Yang Berhormat dari Panti telah menyatakan di dalam Dewan ini bahawa beliau telah berhenti menjadi Ahli atau Pengarah syarikat tersebut sejak tiga tahun yang lalu dan juga telah menyerahkan balik saham-sahamnya. Beliau juga berkata sekiranya namanya ada di dalam skrip saham tidak ditukar, maka itu bukanlah salah dia. Kini nampaknya apabila Ahli Yang Berhormat dari Panti menafikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 21b November, 1976 iaitu 24 jam selepas ucapan saya, beliau masih memegang 800,000 saham bernilai \$1 setiap saham dalam Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Berhad. Inilah sebab beliau enggan menerima cabaran saya supaya beliau mengangkat sumpah dengan kitab suci Al-Quran bahawa beliau telah serah balik saham-saham itu sejak tiga tahun yang lalu.

Ahli Yang Berhormat dari Panti nyata telah memberitahu satu perkara yang tidak benar di dalam Dewan ini. Malahan beliau juga memberitahu perkara-perkara yang tidak benar yang lain. Perkara yang tidak benar yang kedua yang diberitahu oleh beliau ialah yang beliau telah berhenti menjadi Pengarah Syarikat tersebut sejak tiga tahun dahulu, tetapi menurut Penyata Pengerusi Syarikat Great Malaysia Line Sdn.

Bhd., Datuk Senu Abdul Rahman, Ahli Yang Berhormat dari Panti telah berhenti menjadi Pengarah Syarikat tersebut hanya pada 24hb September, 1974 iaitu sejak dua tahun yang lalu

Tuan Pengerusi: Ini apa ada sangkut-paut dengan Belanja Mengurus, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai Dewan Rakyat/Parlimen bahawa kemuliaan dan kehormatan Dewan ini mesti dipelihara, iaitu satu dasar perkhidmatan Dewan ini, oleh kerana perkara ini bersangkut-paut dengan perkhidmatan Jabatan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Ini Perkhidmatan Parlimen—Administration. Perkara kemuliaan Ahli-ahli Dewan itu adalah hal-hwal Dewan ini, umum. Tetapi ini berkenaan dengan belanja hendak menjalankan kerja seperti kakitangan dan lain-lain. Jadi saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat sebutkan perkara ini sebab sudah disebutkan dahulu. Kalau hendak dibangkitkan perkara ini, saya rasa tidak kena pada tempatnya sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya sebutkan kerana dalam Perkhidmatan Parlimen, sebuah Dewan yang mana Ahli-ahli datang untuk mewakili rakyat dan di mana kemuliaan dan kehormatan sangat mustahak dijaga dan dipelihara. Dan ini satu perkara di mana kemuliaan dan kehormatan Dewan ini terjejas. Dengan sebab itu satu perkara yang kena-mengena dengan peruntukan-peruntukan yang kita bincangkan sekarang.

Tuan Pengerusi: Itu betul, tetapi Dewan ini kena memutuskan berkenaan kehormatan, kemuliaan seseorang. Jadi saya syorkan elok Ahli Yang Berhormat pergi terus-menerus kepada administration atau Belanja Mengurus. Perkara ini telah disebutkan lama di dalam Dewan ini, sudah banyak kali telah disebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sungguhpun Dewan ini mesti memutuskan samada perkara ini ada terlibat dengan perkara kemuliaan dan dignity Dewan ini, sebelum dikemukakan mengenai perkara ini menjadi satu usul, saya mahu mengambil peluang ini untuk memaklumkan kepada Dewan ini mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat sudah maklumkan kepada Dewan ini di dalam ucapan dahulu. Dan hari ini saya fikir

memadai setakat itu dahulu, sebab Ahli Yang Berhormat sendiri tahu bahawa Yang Berhormat telah tulis surat kepada Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan itu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Panti dan Kuala Muda sudah pun menulis surat kepada Yang di-Pertua dan Yang di-Pertua sekarang sedang menimbangkan di atas surat Ahli Yang Berhormat itu sendiri dan juga surat-surat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda dan Panti.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan hormatnya Tuan Pengerusi, saya ada sepucuk surat yang saya ada tulis kepada Yang di-Pertua. Apa yang akan saya bangkitkan di sini tidak ada kena-mengena dengan apa yang saya tuliskan di dalam surat itu. Apa yang saya tulis dalam surat ini ialah mengenai samada satu pelanggaran Peraturan Mesyuarat No. 35 (7) terlibat dan mengenai perkara samada Ahli Yang Berhormat dari Panti ada resign daripada Lembaga Pengarah, adalah itu menjejaskan kemuliaan Dewan ini. Apa yang saya hendak sebutkan sekarang ialah mengenai satu perkara yang tepat iaitu adakah beliau mempunyai 800,000 saham apabila beliau berucap dalam Dewan ini oleh kerana menurut beliau, beliau tidak mempunyai saham ini ialah selepas surat ini ditulis. Dengan sebab itu, saya minta membawa kebenaran untuk meneruskan perkara ini yang tidak ada berkaitan dengan apa yang saya telah tuliskan.

Tuan Pengerusi: Perkara yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan ini tidak bersangkut dengan perkara mengurus. Ahli Yang Berhormat, saya rasa telah menerangkan dengan panjang lebar berkenaan dengan perkara ini, bila sampai masanya untuk disiasat, perkara itu akan disiasat. Jadi, sekarang ini saya minta Ahli Yang Berhormat tinggalkan masalah itu dan pergilah terus berkenaan dengan belanja mengurus dan mentadbirkan Parlimen ini. Itulah keputusan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan tinggalkan perkara ini

Tuan Pengerusi: Itu sudah ada dalam rekod.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Saya akan tinggalkan perkara ini oleh sebab ada satu perkara samada benar atau tidak benar dicakapkan sekurang-kurangnya saya harap Ahli Yang Berhormat dari Panti boleh

datang ke Dewan ini dan meminta maaf daripada Dewan ini. Berhubung dengan perkara ini, saya akan menulis sepucuk surat lagi kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak sebutkan berkenaan dengan Kepala B. 8, Pecahan-kepala 4100, muka surat 56, Pecahan-kepala 4100 Aktiviti (13) Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Tuan Pengerusi, Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang ditubuhkan untuk menjamin perlindungan pengawalan dan kebajikan orang-orang Islam yang menunaikan Fardu Haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan seperti kursus-kursus Haji, perkapalan, penerbangan, kesihatan, pertukaran wang, Pasport Haji dan sebagainya. Aduan-aduan yang meluas tentang layanan dan keadaan buruk para jemaah haji yang menaiki kapal-kapal kepunyaan Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd., syarikat yang diberi franchise, telah ujud untuk beberapa lama.

Perkara ini telahpun dihangkitkan di dalam Dewan ini dan juga diluarnya. Pada 10hb Mei, 1972, Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah meminta Perdana Menteri ketika itu, Allahyarham Tun Razak menyatakan "usaha-usaha yang telah dibuat untuk mengatasi kerosakan, kelambatan dan ketidak sempurnaan dalam kapal-kapal haji yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan jemaah-jemaah haji tahun ini". Allahyarham Tun Abdul Razak telah menjawab: "Saya telahpun mengarahkan Lembaga supaya kedua-dua kapal itu (Malaysia Baru dan Malaysia Raya) diperiksa oleh pakar-pakar dalam bidang Perkapalan dan pendapat-pendapat pakar itu akan dijadikan butir-butir perbincangan di antara Lembaga dengan Syarikat Great Malaysia Line untuk dikaji balik perjanjian di antara kedua-dua pihak".

Tuan Pengerusi, aduan-aduan tentang layanan dan keadaan belum tamat lagi meskipun terdapat assuran-assuran daripada pihak kerajaan yang mengatakan bahawa perbincangan akan diadakan dengan Syarikat Great Malaysia Line Sdn. Bhd.

Saya difahamkan bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak telahpun memulakan satu siasatan ke dalam soal

keadaan dan layanan jemaah-jemaah haji di atas kapal-kapal haji yang kini menunggu perhatian dan keputusan Perdana Menteri kita, saya menyeru supaya laporan ini diumumkan untuk pengetahuan orang ramai.

Di dalam Dewan Rakyat pada 15hb Mei, 1972, apakala menjawab satu soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar Selatan, yang bertanya kenapa Syarikat Perkapalan Great Malaysia diberi hak untuk membawa bakal-bakal haji menerusi Lembaga Tabung Haji, di antara sebab-sebab yang diberikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak Perdana Menteri pada ketika itu ialah: "Lebih kurang 50% daripada anak-anak kapal syarikat ini terdiri daripada kaum Bumiputra."

Tidak ada apa-apa yang disebut tentang siapakah pemegang-pemegang saham sebenarnya. Pada 13hb Disember, 1972, Menteri Perhubungan ketika itu, telah memberitahu Dewan ini bahawa "Syarikat Perkapalan Great Malaysia Line telah menyewa (charter) kedua-dua buah kapal yang bernama Malaysia Kita dan Malaysia Raya daripada Syarikat Firline Ltd; iaitu sebuah syarikat perkapalan luar negeri". Apabila ditanya oleh Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, Yang Berhormat Menteri Perhubungan pada masa itu menjawab: "Hubungan Great Malaysia Line dengan Firline Ltd. adalah antara tuan punya kapal-kapal itu (iaitu kedua-dua kapal ini kepunyaan syarikat The Firline Ltd.) dan penyewanya iaitu Great Malaysia Line".

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, perhubungan di antara Firline Ltd. dan Syarikat Great Malaysia Line adalah sangat rapat. Syarikat Firline Ltd. memegang 2.8 juta saham dalam Syarikat Great Malaysia Line Ltd. Sebagaimana artikel bertajuk "Ke Mekah melalui Moscow" ("To Mecca via Moscow") yang tersiar dalam majallah The Far Eastern Economic Review baharu-baharu ini melaporkan, Syarikat Firline Ltd. dan satu lagi syarikat Hong Kong yang lain, Ta Hing, yang menjadi syarikat-syarikat keluarga seorang ahli peniaga Hong Kong yang kaya, Eddie Wong, nampaknya memegang 60% daripada saham-saham Syarikat Great Malaysia Line. Lanjutnya, Eddie Wong dikatakan sangat rapat dengan pihak Bank Norodny Moscow.

Sekarang kita membaca laporan-laporan yang memetik bahawa Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan Yang Berhormat dari

Panti mengatakan yang mereka tidak membayar apa-apa pun untuk saham-saham yang dimiliki mereka.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusi-kan Jawatankuasa*)

Pihak-pihak yang berkenaan harus menyasat dengan menyeluruh untuk menentukan samada, menurut majallah Far Eastern Economic Review, Syarikat Great Malaysia Shipping Line telah mengangkut "jemaah-jemaah haji ke Mekah melalui Moscow".

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan sekarang Kepala B. 8—Keselamatan Negara.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Muka berapa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Muka 49, Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan, Aktiviti (4) Keselamatan Negara.

Saya hendak menyentuh tentang Urusetia Majlis Keselamatan Negara. Tujuan utama Urusetia Majlis Keselamatan Negara (Muka 86) adalah bertanggungjawab bagi menyelesaikan dasar-dasar berkaitan dengan keselamatan negara dan mengarahkan pelaksanaan gerakan-gerakan keselamatan pada keseluruhannya; ia menjadi badan menasihati Majlis Tindakan Negara dalam perkara-perkara yang mempunyai implikasi keselamatan.

Urusetia Majlis Keselamatan Negara menumpukan perhatian kepada masalah berikut iaitu dalam muka 98: (a) masalah insurgensi; (b) ketenteraman awam (c) pencerobohan luar.

Cabaran keselamatan dan insurgensi tidak boleh diatasi dengan menggunakan langkah-langkah yang tidak berdemokratik seperti penahanan pemimpin-pemimpin pembangkang demokrat yang dilakukan dengan sewenang-wenangnya seperti penahanan Yang Berhormat Chian Heng Kai, Ahli Parlimen bagi Batu Gajah, Sdr. Chan Kok Kit, Penolong Bendahari Kebangsaan D.A.P. dan Sdr. Kassim Ahmad, Pengerusi P.S.R.M.

Kerajaan harus memimbang implikasi keselamatan langkah-langkah yang tidak demokratik ini akan menimbulkan kerana Kerajaan akan gagal dalam perangnya untuk menawan fikiran dan hati rakyat apakala rakyat mendapati pemimpin-pemimpin yang tidak salah ataupun tidak membuat apa-apa

kesalahan ditahan kerana mereka ini menggunakan hak demokratik politik mereka untuk membela dan menyuarakan hasrat rakyat. Saya menyeru Kerajaan membebaskan Yang Berhormat Chian Heng Kai, Sdr. Chan Kok Kit dan Sdr. Kassim Ahmad dengan segera dan menamatkan penyalahgunaan kuasa yang hanya akan menghakis-kan keyakinan rakyat dalam sistem demokrasi dan memburukkan keadaan keselamatan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, B. 8, Pecahan-kepala 2800, Aktiviti (8) Kemajuan Petroleum. Hari ini iaitu 15hb November ialah hari muktamad Yang Berhormat Perdana Menteri telah menetapkan untuk perjanjian perkongsian-pengeluaran oleh syarikat-syarikat minyak. Ahli-ahli Dewan ini tidak mempunyai faktor-faktor atau butir-butir yang cukup pada jangka ini (dalam Jawatankuasa) untuk membahaskan perkara ini. Oleh kerana perkara ini melibatkan suatu sumber alam semula jadi yang penting di Malaysia yang mempunyai implikasi-implikasi yang luas terhadap ekonomi dan masa depan negara kita, saya bercadang supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu taklimat yang penuh kepada Dewan yang mulia ini atas segala yang telah berlaku dan disetujui di masa akan datang dalam perkara ini dan juga mengatur masa dalam mesyuarat ini juga untuk mengadakan perbincangan khas dalam perkara minyak di tanah air kita pada masa hadapan.

6.00 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dan menyokong perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di bawah Kepala-kepala dan Pecahan-kepala-kecapan-kepala yang disebutkannya.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Bagi menyenangkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan, ada baiknya Ahli Yang Berhormat sebutkan muka surat dan di bawah pecahan-kepala berapa?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, pertamanya di bawah Kepala B. 1—Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Mengurus dan Mentadbirkan hal-hal berkaitan dengan Persidangan Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Saya tumpukan kepada pentadbiran perpustakaan.

Tuan Pengerusi, perpustakaan adalah satu perkara yang memang mustahak bagi Ahli-ahli Parlimen dan pegawai-pegawai iaitu digunakan untuk mendapat suatu ilham, suatu bahan semasa membincangkan sesuatu masalah atau sesuatu perkara. Pada masa Parlimen bersidang, Ahli-ahli Parlimen terutamanya daripada backbencher dapat peluang menggunakan perpustakaan itu pada masa kelapangan waktu makan, iaitu di antara pukul 1.00 hingga 2.00 petang, tetapi apa yang mendukacitakan kami apabila kami pergi ke perpustakaan pada masa yang saya katakan itu didapati perpustakaan ditutup. Saya minta supaya pihak yang berkenaan dapat membuka perpustakaan, setidaknya adakan satu pegawai bertugas, di antara pukul 1.00 hingga 2.00 petang membolehkan kami membuat reference dan sebagainya.

Saya juga suka menyentuh di bawah Aktiviti (2) ini adalah berkenaan dengan kedudukan kami sebagai Ahli Parlimen, iaitu saya berpendapat dan saya anggap di bawah Kepala inilah letaknya belanja yang ditentukan untuk mengadakan jamuan-jamuan, meraikan sesuatu perkara seperti lawatan ketua-ketua daripada negara-negara yang lain dan sebagainya iaitu peringkat Kerajaan Pusat. Kami Ahli-ahli Parlimen di peringkat Negeri memang tidak ada tempat di sana. Kalau di Negeri-negeri mengadakan apa-apa temasya memang kami ditinggalkan kerana mereka di Negeri mengatakan: "Awak sebagai Ahli Parlimen bukan tempat awak duduk di Negeri ini. Kalau ada apa-apa perkara di Kerajaan Pusat di situlah nanti jemputan-jemputan itu dan ini akan diundang Tuan-tuan Ahli-ahli Parlimen, bukan di Negeri". Dengan sebab itu di Negeri kami tidak ada mempunyai tempat, manakala di sini bila ada apa-apa jamuan kerana Pegawai-pegawai Protokolnya adalah daripada pegawai-pegawai Kerajaan, maka kami tiap-tiap kali juga ditinggalkan.

Baru-baru ini lawatan daripada Puan Sadat, bukan kami hendak melihat wajahnya yang cantik jelita, tetapi kami fikir adalah menjadi satu kehormatan lebih-lebih lagi dasar-dasar negara kita Malaysia adalah dibuat di dalam Parlimen yang mulia ini oleh 154 orang. Kalau ada Ketua-ketua Negara datang patut sangat kami dijemput, tetapi apa yang kami lihat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Tingkatan Menengah yang

dijemput; kami terkulat-kulat melihat sahaja di talvisyen dan sebagainya. Bukan pula kami hendak datang itu sebab kami suka diberi layanan istimewa dan sebagainya tetapi kami memikirkan kerana kami adalah Ahli-ahli Parlimen dan letak dan duduk kami di Kerajaan Pusat dan sebab pula kami ditinggalkan oleh Kerajaan Negeri, patut sangatlah siapa juga yang bertanggungjawab samada Pegawai-pegawai Protokol dan sebagainya, mementingkan kedudukan dan memberi penghargaan kepada kami Ahli-ahli backbencher, bukan hanya ditujukan kepada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya. Pegawai-pegawai Protokol mestilah ingat bahawa backbencher memainkan peranan yang penting, backbencher akan menentukan apa-apa juga, samada Ketua Setiausaha Negara hendak mendapat \$8,000 sebulan atau \$4,000 ataupun \$2,000 sebulan kelak. Ini bukanlah satu sungutan, Tuan Pengerusi, tetapi memanglah benar apa yang saya katakan.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan peranan, kerana saya tidak tahu apakah sebenarnya peranan House Committee, iaitu yang disebut dalam bahasa Inggeris.

Tuan Azabari bin Md. Talib: Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat seperti saya kata tadi, muka surat berapa dan tajuk apa Yang Berhormat hendak bercakap supaya dapat saya sah dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tahu mengenai perkara yang dibincangkan ini.

Raja Naoron bin Raja Idrak Serupa juga. Tuan Pengerusi, iaitu muka surat 29 di bawah Aktiviti (2). Di sini ada satu badan yang menguruskan Parlimen, ini adalah satu jawatankuasa yang dilantik iaitu Jawatankuasa Dewan, dalam bahasa Inggerisnya House Committee, tetapi apakah peranan sebenarnya House Committee ini. Bangunan Parlimen bocor House Committee tidak tahu. Banyak tong-tong kosong diletak di atas permaidani yang begini mahal, House Committee tidak sedar. Bila ditanya, Menteri yang berkenaan mengatakan: "Saya tidak sedar yang Bangunan Parlimen bocor". Tiap-tiap hari dilihat tetapi beliau tidak sedar dan beliau tidak nampak. Ini menggelakkan saya.

House Committee juga patutlah kerana kita Ahli Parlimen memegang dasar demokrasi; kalau pun dilantik Ahli-ahli

Parlimen duduk di dalam House Committee, ini biarlah secara demokrasi dilantik; iaitu biar kami daripada backbencher melantik orang-orang ini. Kalau dia menjadi bunga perhiasan pun tidak guna, hendaklah dia mengemukakan dengan tegas dan berani perkara-perkara yang mendatangkan faedah kepada Parlimen ini dan kepada Ahli-ahli Parlimen. Misalannya, cadangan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Ahli-ahli Parlimen diberi beg (brief case). Datanglah brief case, brief case itu besar, tikar, bantal boleh masuk (*Ketawa*), tikar sembahyang pun boleh masuk. Sudahlah begitu, Tuan Pengerusi, kami tengok lambang Bangunan Parlimen itu sudah berlainan. Apalah salahnya, secara demokrasi, Jawatankuasa Dewan ini bertanya kepada kami, bentuk apa hendak brief case itu, samada hendak besar seperti yang ada sekarang atau besar lagi boleh bawa bersama pergi ke Mekah ataupun hendak betul-betul brief case yang kecil molek. Ini nampaknya kita membangga-banggakan yang kita mengamalkan demokrasi, tetapi kita menunjukkan satu bukti yang tidak boleh dibanggakan. Jadi, saya merayu, kerana saya telah mendengar pula ura-ura konon hendak menukar lambang kereta, entah macam mana pula bentuknya esok, saya pun tidak tahu—aleh-aleh dibuat bentuk tanjak dengan dua keris bersilang. Ini sudah jadi susah, Tuan Pengerusi. Kalau membuat sesuatu itu, biarlah dibuat sesuai dengan pakaian kita. Jangan hanya pandai-pandai ditukarkan sahaja, dipaksa ambil apa yang mereka fikir sesuai pada dirinya, mahu tidak mahu sesualah pula pada kita semua. Ini barangkali bukan cara demokrasi.

Di bawah aktiviti yang sama ini juga saya meminta supaya dikaji semula apa yang hari-hari kata menadah tangan ke atas berdoa sebelum Parlimen bersidang. Saya meminta supaya perkataan "Tuhan" yang kita sebutkan hari-hari itu ditukar kepada "Allah" kerana saya lihat di sini, bila kita menadah tangan kita berdoa, orang-orang yang bukan beragama Islam tidak menadah tangannya; kita yang beragama Islam sahaja yang menadah tangan berseru kepada Allah. Jadi, saya cadangkan supaya Jawatankuasa Dewan ini ataupun pegawai-pegawai yang bertugas di Parlimen ini memikirkan samada sesuai atau tidak perkataan "Tuhan" itu ditukar kepada "Allah".

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Kepala B. 8, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti No. 2, 5, 8 dan 9 di muka surat 49. Pertama, aktiviti 8—Kemajuan Petroleum (Petroleum Development). Tuan Pengerusi, kita telah mendengar satu penubuhan syarikat iaitu PETRONAS. Saya berharap agar dapat Jabatan Perdana Menteri dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab memerhatikan dengan rapat supaya aktiviti-aktiviti PETRONAS ini benar-benar mendatangkan kebaikan kepada negara kita. Saya ketahui, kerana saya telah melawat Pejabat PETRONAS, di mana saya dapati meja yang digunakan oleh Kerani biasa lebih baik daripada meja yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mejanya daripada teak wood, kerusinya daripada benda yang begitu lembut, satu-satu meja sahaja barangkali ribuan ringgit harganya. ini membazir wang sahaja. Sungguhpun PETRONAS ini diberi jutaan ringgit untuk berbelanja, tetapi janganlah sehingga membazir sahaja. Kalaulah kerani biasa dan steno biasa mempunyai alat-alat perabot sekian mutunya, pengerusi, timbalan pengerusi, pengurus besar, tentu sahaja barangkali entah macam mana, tidaklah dapat saya gambarkan kerana hendak masuk di situ pun susah, terpaksa dengan kebenaran itu dan ini, tidak boleh kita masuk begitu sahaja. Belum lagi saya berpeluang pergi ke bilik-bilik pengurusannya, tetapi saya percaya tentulah berlipatganda baik mutunya daripada steno biasa. Juga hendaklah kita awasi supaya PETRONAS ini jangan over ambitious. Agreement belum bersain, kapal sudah dibeli beratus-ratus juta ringgit. Tiba-tiba bila agreement itu tidak jadi, kapal itu jadi apa? Wang rakyat sahaja yang membazir. Siapa yang memikulnya esok? Walhal harga kapal itu kalau dilaburkan di luar bandar, boleh mendatangkan faedah yang begitu besar kepada rakyat di luar bandar. Janganlah membazir. Sebaliknya hendaklah betul-betul sudah ada perjanjian, sudah betul-betul 100% akan berhasil, ayuh'. With my blessing, Tuan Pengerusi.

Saya suka juga menyentuh Kepala B. 8, Pecahan-kepala 4100, muka surat 56, Aktiviti 9—Urusetia Perpaduan Negara. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada menyentuh berkenaan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Barangkali ada sebab-sebabnya maka beliau selalu menyebut berkenaan dengan Lembaga Urusan dan

Tabung Haji. Barangkali hatinya cemburu, mengapa maka Kerajaan mengadakan satu tabung untuk menguruskan orang-orang Islam pergi haji, disimpan wang, dijaga, dibela memberi peluang kepada orang Islam pergi menunaikan haji. Supaya barangkali perasaan irihati ini tidak timbul, saya suka mengesyorkan supaya Urusetia Perpaduan Negara ini membuat satu tabung, namakan "Lembaga Urusan dan Tabung Pelancungan" supaya orang-orang yang hendak pergi ke Tongsan (China), orang-orang yang hendak pergi ke India dan orang-orang yang hendak pergi ke Ceylon, dapat menyimpan wangnya di situ dan senang pula kita tengok nanti siapa yang selalu pergi ke Tongsan, siapa yang selalu pergi ke India dan siapa yang selalu pergi ke Ceylon. Jadi, irihati pun tidak ada. Janganlah hanya Urusetia Perpaduan Negara ini menumpukan kepada mengadakan jamuan-jamuan teh, jamuan-jamuan muhibbah jemput beberapa orang taukeh-taukeh, jemput beberapa orang ketua-ketua masyarakat, tetapi tumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih supaya rakyat jelata daripada grass-roots level dapat menyertai aktiviti-aktiviti ini dan saya percaya dengan diadakan Lembaga Urusan dan Tabung Pelancungan untuk pergi ke Tongsan dan sebagainya itu akan membawa kepada tujuan ini.

Akhirnya saya suka menyentuh Kepala P. 9 muka surat 57, Pecahan-kepala 9—Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar dan saya kaitkan juga kepada Pecahan-kepala 14—Yunit Amalan Nilai Pakaian.

Tuan Pengerusi, pada masa ini memang aktiviti-aktiviti untuk amalan nilai pemakanan telah dibuat di beberapa tempat di luar bandar. Tetapi apa yang saya saksikan adalah dipilih beberapa tempat sahaja sebagai pilot project, katalah, di kawasan saya di Kuala Selangor dipilih hanya satu tempat, berpuluh tempat yang lain tidak dipedulikan. Jadi, orang kampung bertanya kenapa mengapa hanya di tempat itu sahaja, tempat saya ini pun banyak juga budak-budak yang kurang makan, budak-budak yang kurang susu, budak-budak yang hendak makanan benda-benda yang berzat dan sebagainya. Mereka tidak tahu bahawa Kerajaan melihat pada keseluruhannya mana tempat yang benar-benar difikirkan tenat di situlah diadakan pilot project untuk amalan

nilai pemakanan ini—menyebut pun berkelu-kelu lidah—tetapi apa hendak dibuatkan—A.N.P. Saya cadangkan di sini iaitu sebagai teguran supaya walaupun secara berkecil-kecilan, hendaklah kalau hendak dijalankan rancangan amalan nilai pemakanan ini dibuat keseluruhannya.

Pada hari ini di tempat ini, misalnya, pada hari esok atau minggu hadapan di tempat lain, sehingga kesemua kawasan itu diliputi dan hendaklah bekerja rapat dengan pegawai-pegawai Kemas. Masa ini tak ada; dia buat suka-suka sahaja, kadang-kadang Wakil-wakil Rakyat pun tak tahu. Jadi, Pegawai-pegawai Kemas yang ada disebutkan di bawah Pecahan-kepala 9 itu, iaitu Lain-lain Rancangan Pembangunan Luar Bandar, memang telah memberi perkhidmatan yang begitu cemerlang di dalam usaha-usaha dan aktiviti membangunkan rancangan luar bandar, terutamanya mendidik orang-orang kampung untuk mengetahui berkenaan dengan cara-cara jimat-cermat dan sebagainya, cara-cara supaya dapat mereka itu menggunakan duit dan dengan begitu jimat dan cermat duit yang sedikit dapat dibeli barang-barang makanan yang berzat iaitu fungsinya serupa A.N.P. Saya minta kepada Jabatan Perdana Menteri berilah recognition yang sewajarnya kepada Penyelia-penyelia dan Pegawai-pegawai Kemas ini. Mereka ini nampaknya diberi elaun, disuruh bekerja, tetapi recognition sewajarnya tidak diberi, masa hadapan mereka tidak terjamin. Saya berharap teguran-teguran saya ini dapat diberi perhatian sewajarnya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang telah memberi peluang kepada saya.

6.23 ptg.

Tuan Mohammad Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana dapat peluang juga turut serta dalam perbincangan dalam Jawatankuasa ini. Perkara yang pertama saya suka menyentuh ialah berkenaan dengan B. 1 iaitu Parlimen Perkara yang pertama sekali iaitu

Tuan Azahari bin Md. Taib: Muka surat berapa, Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Ini berkenaan dengan percetakan yang terdapat dalam Pecahan-kepala 2600—

muka surat 30. Barangkali ini bukan perkara yang baru tetapi patut kita ulang apabila keadaannya tidak memuaskan, iaitu satu perkara yang barangkali patut kita rasa malu dalam negeri Malaysia yang begini berkemajuan, apabila kemukakan cerita ini, iaitu jika kita berjalan keluar sekarang bertimbun-timbun atas meja depan itu ada Penyata Rasmi Parlimen yang dicetak, yang diedar dan disampaikan kepada tangan kita kira-kira lebih kurang setahun selepas satu-satu persidangan Parlimen telah berlaku. Ini satu keadaan yang mesti dianggap penting, kalau kita benar-benar mahu menjalankan cara pemerintahan dan pentadbiran demokrasi, tambahan pula keadaan di mana kita dapati cuma ucapan-ucapan yang dibuat oleh para Menteri yang diberi ruang samada di radio, TV ataupun surat-surat khabar, itu pun tak cukup. Memang surat khabar sekarang pun banyak cerita, tak cukup ruangan untuk memuatkan segala ucapan-ucapan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini. Tambahan pula Ahli-ahli Dewan ini yang tidak berjawatan dalam Kerajaan, melainkan jika dia bangkitkan satu-satu perkara yang mengejutkan ataupun sensational, sebagaimana kerap kali dibangkitkan oleh pihak Pembangkang diberi ruangan lebih dalam surat khabar. Akan tetapi, apabila fikiran-fikiran yang constructive yang tidak mengejutkan yang tidak sensational tak ada siapa tahu di luar daripada Dewan ini apa yang telah dikatakan, apa yang telah dibahaskan, atau di dalam Dewan ini sendiri banyak juga yang tidak hadir sama-sama termasuk juga para Menteri yang tidak hadir waktu ucapan dibuat. Oleh sebab apa yang diedarkan ini ialah semata-mata deraf atau rangka yang belum disemak dan selalu ucapan kita terpaksa disemak oleh sebab bukan kita semua sediakan ucapan yang sudah siap ditulis boleh diberi supaya dicetak.

Dalam ucapan kita itu selalu apa yang kita katakan itu tak tepat yang diturunkan dalam Penyata (belum disemak) ini. Pendeknya, lapuran yang rasmi, yang disemak, yang betul-betul mengandungi apa yang telah dikemukakan dalam Dewan ini tak dapat dibaca, tak dapat disemak oleh bapak-bapak Menteri ataupun oleh Pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan ataupun orang-orang lain samada daripada perhubungan perdagangan antara negeri dan sebagainya untuk dapat tahu apa yang benar yang telah berlaku dalam Dewan ini. Sebab itu tahun sudahpun saya telah sebutkan ini, tahun yang sebelum inipun saya telah sebutkan perkara ini, oleh sebab sehingga ini belum lagi berkesan belum lagi diambil perhatian oleh pihak berkenaan. Saya ulang lagi tahun ini membuat rayuan mempertunjukkan kepada dunia bahawa Kerajaan kita ialah satu Kerajaan yang mendukung dasar demokrasi, percaya kepada Kerajaan secara berparlimen dan betul-betul mengambil berat tentang apa Wakil Rakyat yang dipilih oleh orang ramai mengemukakan dalam Dewan ini. Oleh sebab ini kali yang ketiga saya bangkitkan perkara ini saya suka hendak catitkan kalau sekiranya selepas apa yang saya katakan pada kali ketiga dalam dua tahun ini satu ikhtiar tidak dijalankan untuk membetulkan keadaan ini supaya menyedia, mengedar dan mengadakan untuk dibeli oleh sesiapa yang mahu, orang ramai yang mahu Penyata Rasmi ini kita tidak

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat, tolong sambung esok.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.